

BAB 1

PENGENALAN

MASYARAKAT MARGINAL

Pendahuluan

Marginalisasi adalah fenomena ketidakseimbangan dalam pemerolehan peluang dalam aspek ekonomi, sosial dan pendidikan oleh sekumpulan masyarakat (Alcock 1993). Ialah bersumber daripada berbagai faktor yang saling berkait dan kompleks. Akibat dari marginalisasi inilah, masyarakat tersebut menjadi miskin dan berada dalam keadaan serba naif. Masyarakat yang marginal ini mendapat peluang yang terbatas akibat daripada ketidakupayaan mereka dalam beberapa aspek yang akhirnya memberi kesan negatif kepada akuisisi hasil kemajuan negara.

Konsep marginalisasi juga boleh dikaitkan dengan fenomena penyingkiran sosial yang berlaku kerana ketidakseimbangan dalam program pembangunan masyarakat dan juga peluang pendidikan yang tidak menyeluruh. Lazimnya masyarakat marginal seringkali dikaitkan dengan kemiskinan dan hidup serba naif. Demi menampung keperluan, mereka mempunyai kecenderungan untuk terlibat dalam aktiviti yang tidak bermoral, menyalahi etika dan norma, dan pelbagai aktiviti negatif seperti terlibat dalam penagihan narkoba, pengedaran narkoba, pelacur dan individu yang terlibat dengan jenayah (Perlman 1976: 92).

Masyarakat marginal juga dirujuk kepada masyarakat luar bandar yang memiliki akses pemodenan yang terhad. Biarpun telah banyak program yang dilakukan oleh pemerintah namun masyarakat marginal tetap hidup dalam keadaan serba kekurangan. Mereka mendapat peluang yang terhad dalam bidang ekonomi negara. Masyarakat marginal di kebanyakan negara Asia Tenggara masih lagi marginal ekoran daripada kelemahan prasarana termasuklah kekurangan bekalan air paip, bekalan elektrik dan jalan raya yang terhad. Begitu juga mereka marginal daripada mendapat bantuan kewangan dan bukan kewangan daripada agensi-agensi kerajaan, marginalisasi pekerjaan di sektor awam serta marginalisasi daripada memiliki tanah. Keadaan ini telah membawa kepada kemiskinan dan kemunduran dalam pelbagai aspek. (Endicott dan Dentan 2004; Nicholas 1999).

Teori dan Konsep Masyarakat Marginal

Pihak yang telah dipinggirkan merupakan ciri-ciri utama marginalisasi. Ia melibatkan tiga peringkat yaitu individu, kumpulan atau sesuatu masyarakat (Judge 1999; Randolph dan Judd 1999; Byrne 1999). Mereka yang dipinggirkan ini akan mengalami marginalisasi daripada sesuatu aspek kehidupan yang boleh berlaku sama ada dalam satu bentuk ataupun lebih yang dikenali sebagai marginalisasi berganda (Percy 2000; Randolph dan Judd 1999; Atkinson 1998). Marginalisasi yang dihadapi oleh mereka yang marginal ini adalah saling berkaitan. Sebagai contoh, apabila seseorang telah mengalami marginalisasi pendidikan berkemungkinan besar mereka juga menghadapi marginalisasi dalam pekerjaan, marginalisasi daripada masyarakat dan marginalisasi-marginalisasi lain.

Setiap dari aspek marginalisasi tersebut akan menguatkan kesan marginalisasi yang dirasa oleh mereka . Keadaan ini dikenali sebagai *the spiral of disadvantage* (Geddes 2000; Hunter 2000; Kabeer 2000; Levitas 1999). Akhir sekali marginalisasi yang terjadi kepada sesuatu pihak bukan berlaku atas kehendak mereka . Ianya dilakukan oleh pihak lain dan di luar kawalan mereka yang dipinggirkan (Barry 1998; Atkinson 1998) Pihak yang meminggirkan ini boleh merupakan sebuah keluarga, masyarakat ataupun oleh pihak pemerintah. Namun, bukan semua bentuk marginalisasi boleh diklasifikasikan sebagai marginalisasi. Mereka yang secara sukarela meminggirkan diri daripada sesuatu aspek marginalisasi terkeluar dari pemikiran ini. Sebagai contoh, mereka yang sengaja memilih untuk hidup jauh dari masyarakat ramai tidak boleh dikatakan telah mengalami marginalisasi kerana tindakan dilakukan atas kehendak sendiri.

Marginalisasi yang diterima oleh pemikiran marginalisasi ialah marginalisasi yang dikenakan oleh sesuatu pihak terhadap pihak yang lain . Sehingga kini para sarjana marginalisasi mengehendkan analisis klasifikasi marginalisasi kepada wujudnya golongan marginal, marginalisasi daripada sesuatu aspek kehidupan dan marginalisasi yang dilakukan oleh pihak yang lain. Klasifikasi yang lebih lanjut terhadap marginalisasi masih belum dilakukan kerana perdebatan mengenainya masih lagi baru (Sen 2000: 1). Oleh yang demikian, buku ini telah meluaskan konsep marginalisasi dengan menambah tiga lagi klasifikasi.

Pertama, pihak yang dipinggirkan sadar dan merasa keperitan akibat marginalisasi dan ingin marginalisasi itu digugurkan. Kedua, pihak yang dipinggirkan tidak sadar mereka telah dipinggirkan dan marginalisasi terus berlaku. Ketiga, pihak yang dipinggirkan sadar mereka telah dipinggirkan tetapi tetap menerima marginalisasi tersebut sebagai sebagian daripada kehidupan mereka. Keseluruhan klasifikasi marginalisasi ini dapat ditunjukkan dengan lebih jelas oleh Rajah 2.1.

Kajian mengenai marginalisasi oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini juga didapati tidak menyeluruh kerana tertumpu kepada satu ataupun beberapa bentuk marginalisasi saja (lihat Jadwal 2.1). Kajian-kajian ini kurang memberikan perhatian kepada marginalisasi berganda sedangkan bentuk-bentuk marginalisasi adalah saling berkaitan (Geddes 2000; Hunter 2000; Kabeer 2000; Levitas 1999).

Pemikiran terhadap masyarakat marginal mempunyai kaitan rapat dengan pembangunan ekonomi masyarakat. Fenomena ini berlaku dengan hebat pada awal-awal era industry di Eropah. Pada pertengahan 1970-an, sistem kebajikan negara di Eropah telah dikritik hebat (Saith 2001) kerana ianya dikatakan gagal mengatasi masalah kemiskinan dan melemahkan pembangunan ekonomi negara (Loury 1999; Perlman 1976). Rene Lenoir dalam tulisannya yang bertajuk *Les Exclus: Un Francois sur Dix* yang diterbitkan di Paris pada 1974 (Beall 2002: 6; Hann 2001: 23) telah mengkritik sistem kebajikan Perancis dengan mendakwa bahawa pemerintah Perancis hanya memberikan perhatian terhadap kebajikan golongan pekerja saja. Faedah dalam bentuk asuransi sosial serta bantuan sara hidup sekiranya kehilangan pekerjaan hanya dinikmati para pekerja saja. Ia tidak dinikmati oleh masyarakat di luar pasaran buruh. Maka, kumpulan masyarakat orang-orang tua, orang kurang upaya, kanak-kanak yang terbiar, ibu tunggal, penagih narkoba, pemabuk dan pelacur tidak mendapat faedah sedemikian (Silver 1994). Lenoir (1974) mengkategori kumpulan ini sebagai *the les exclus* (yang terkecuali atau marginal). Ianya meliputi lebih 10% daripada penduduk Perancis pada masa itu dan dilihat telah melanggar prinsip Revolusi Perancis iaitu kesamaan dan persaudaraan (Sen 2000). Prinsip persaudaraan menyatakan bahawa marginalisasi perlu dielakkan kerana mereka yang dipinggirkan itu juga merupakan saudara sendiri. Begitu juga dengan prinsip kesamaan yang menekankan kerajaan

perlu memberikan hak layanan yang sama rata kepada seluruh rakyat tanpa sebarang pengecualian. Layanan yang sama rata ini akan membuka peluang kehidupan yang setaraf dan seterusnya dapat mengelakkan daripada berlakunya kemiskinan (Sen 2000: 24).

Berasaskan kepada kedua-dua prinsip inilah, Lenoir (1974), melihat kewujudan marginalisasi di Perancis sebagai terputusnya ikatan sosial dan merupakan kegagalan negara tersebut dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu. Lenoir menyarankan perlunya satu dasar kebajikan baru untuk Perancis yang mencakup kesemua golongan. Saranan tersebut akhirnya telah berjaya mempengaruhi kerajaan Perancis melaksanakan skim kerja masyarakat. Melalui skim ini, kerajaan menyediakan pekerjaan untuk golongan yang dahulunya tersingkir dan miskin. Pekerjaan yang dilakukan pula adalah yang berkaitan dengan perkhidmatan kepada golongan miskin. Ini bermakna mereka bukan saja mendapat pekerjaan tetapi turut mendapat faedah daripada layanan pekerjaan tersebut (Querijero 2001: 6).

Pendekatan yang bermula di Perancis ini seterusnya telah tersebar ke England dan Kesatuan Eropah pada dekad 1980-an. Di England, ianya dipelopori oleh kumpulan sarjana yang dikenali sebagai Child Poverty Action Group (CPAG). Buku yang bertajuk *Excluding the Poor* suntingan Golding (1986), telah memuatkan artikel-artikel yang membincangkan marginalisasi dari aspek sosial dan kemiskinan. Antaranya penulisan oleh William (1986), Ward (1986) dan Tomlinson (1986). Artikel yang bertajuk *Exclusion: The hidden face of poverty* oleh William memperkatakan tentang implikasi daripada tindakan yang menafikan hak sosial terhadap sesuatu golongan. Tindakan kerajaan tersebut telah menyebabkan mereka terasing daripada masyarakat keseluruhannya. Akhirnya, golongan tersebut marginal daripada menikmati faedah-faedah ekonomi yang terdapat di sekeliling mereka dan mendorong kepada berlakunya kemiskinan.

Seterusnya, Ward (1986) dalam artikelnya yang bertajuk *Power, politics and poverty* pula memperkatakan tentang kesan marginalisasi daripada penglibatan aktif dalam organisasi politik. Mana-mana golongan yang marginal daripada penglibatan tersebut sama ada disebabkan oleh kekurangan wang, pengetahuan, masa ataupun pengalaman akan menjadi golongan yang tidak mempunyai kuasa. Sebagai golongan yang lemah mereka tidak berupaya untuk mendapatkan pembelaan daripada kerajaan bagi memenuhi kepentingan ataupun mengatasi masalah yang mereka hadapi. Permintaan untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka menjadi kurang berkesan kerana tidak dilakukan oleh satu organisasi yang tersusun dan berwibawa (merujuk kepada organisasi politik). Kesannya, segala bantuan, peluang ekonomi dan kemudahan-kemudahan lain yang sepatutnya mereka nikmati akan beralih kepada golongan lain. Golongan yang kurang aktif berpolitik ini akan terus marginal dan terdedah kepada segala bentuk kekurangan serta hidup dalam kemiskinan.

Tomlinson (1986), dalam artikelnya yang bertema *Playing away from home: leisure, disadvantage and issues of income and access* memperkatakan marginalisasi dari aspek waktu. Perwujudan olahraga-olahraga baru seperti squash, tenis dan golf serta klub-klub olahraga dan kebudayaan yang mengenakan iuran yang tinggi telah menyebabkan kebanyakan penduduk tidak berpeluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Ini menyebabkan mereka marginal daripada bersukan ataupun mendapat faedah dari masa waktu yang mencukupi. Keadaan ini menyebabkan mereka menjadi kurang sihat dan menyukarkan peluang untuk mendapatkan pendapatan yang lebih banyak. Tomlinson (1986) dalam artikel yang sama, turut juga memperkatakan tentang marginalisasi dari aspek komunikasi. Golongan yang tidak berpeluang mendapatkan kemudahan komunikasi moden seperti televisi, radio, komputer dan sebagainya akan ketinggalan. Kesan yang lebih besar akan dirasai oleh anak-anak mereka karena

pembelajaran akan terjejas dan merosot akibat daripada kekurangan maklumat. Pencapaian pendidikan yang rendah ini akan menyebabkan mereka marginal daripada menikmati peluang-peluang pekerjaan di pasaran dan seterusnya menikmati pendapatan yang rendah.

Burchardt *et al.* (1999) juga telah membincangkan soal marginalisasi dengan mendalam. Menurut Burchardt golongan marginal ialah golongan yang kurang penyertaan dalam aktiviti-aktiviti normal bagi sesuatu masyarakat dalam sesuatu masa. Pada tahun 1991 hingga 1995, melalui kajiannya di England, aktiviti normal masyarakat telah dikategorikan kepada lima bahagian. Antaranya adalah aktiviti penggunaan, aktiviti tabungan, aktiviti pengeluaran, aktiviti politik dan aktiviti sosial. Golongan yang marginal daripada aktiviti penggunaan adalah mereka yang kurang berupaya untuk menggunakan barangan serta perkhidmatan yang disediakan pada paras yang minimum. Aktivitas tabungan pula ialah mereka tidak berupaya untuk menambahkan simpanan serta memiliki harta. Aktiviti pengeluaran berkaitan dengan kurangnya penglibatan dalam aktiviti kerja yang mempunyai nilai ekonomi atau pun sosial seperti aktivitas prabayar, pendidikan ataupun latihan. Seterusnya, aktiviti politik pula melibatkan penglibatan dalam pengundian ataupun menjadi ahli kepada parti politik. Akhir sekali, mereka yang marginal daripada aktiviti sosial ialah golongan yang kurang berinteraksi sama ada dengan keluarga, kawan ataupun masyarakat sekeliling.

Pendekatan marginalisasi yang dipraktikkan di England ini dikatakan sebagai pendekatan *Liberal Anglo Saxon* (Hann 2001). Mengikut pendekatan ini, setiap individu mempunyai hak dan tanggungjawab. Setiap individu diberikan hak yang sama dalam semua bidang sebagai memenuhi prinsip demokrasi. Sekiranya marginalisasi berlaku kepada sesuatu golongan bermakna mereka telah didiskriminasikan sama ada oleh kegagalan pasaran ataupun hak yang tidak diberlakukan oleh pemerintah (Ambrosio *et al.* 2002).

Walaupun perbincangan para sarjana terhadap marginalisasi di England telah bermula sejak pertengahan dekad 1980-an lagi namun kerajaan Parti Konservatif pada masa itu (pimpinan Margaret Thatcher) tidak memberikan perhatian yang serius (Hann 2001). Walau bagaimanapun, perubahan mula berlaku pada era pemerintahan Parti Buruh yang diterajui oleh Perdana Menteri John Major. Sebuah unit yang dikenali sebagai *Social Exclusion Unit* telah ditubuhkan pada 1997 untuk mengkaji aspek-aspek marginalisasi terhadap beberapa golongan masyarakat di England. Hasilnya, satu dasar kebajikan baru telah diperkenalkan bagi membantu golongan yang marginal ini daripada masalah kemiskinan. Selaras dengan itu, *New Deal Programme* telah dilancarkan bagi menyalurkan faedah-faedah kebajikan kepada kanak-kanak, ibu tunggal dan penduduk yang berumur lima puluh tahun ke atas (Shucksmith 2000: 6). Selain itu, *Welfare to Work Programme* pula menggunakan pendekatan yang sama dengan yang diamalkan di Perancis iaitu menekankan perkongsian tanggungjawab. Golongan miskin yang marginal diberikan pekerjaan berkaitan dengan kerja sosial dan dalam masa yang sama turut mendapat faedah dari perkhidmatan yang mereka jalankan. Akhir sekali, *Third Way Scheme* memberi penekanan kepada bantuan pendidikan kepada golongan yang marginal agar terlepas daripada masalah kemiskinan (Hann 2001).

Marginalisasi tertumpu kepada marginalisasi pekerjaan dalam pasaran buruh yang formal bagi negara-negara Kesatuan Eropah (Atkinson 2000: 1049; Percy 2000: 2). Marginalisasi yang berterusan akhirnya menyebabkan berlakunya pengangguran jangka panjang (March dan Mullins 1998: 53). Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan monopoli, yaitu golongan yang berkuasa akan menyekat akses terhadap pekerjaan kepada golongan luar (Hann 2001). Contohnya pembatasan yang dilakukan terhadap pendatang asing dalam bidang

pekerjaan oleh firma-firma tempatan. Begitu juga sekatan yang dikenakan oleh Kesatuan Sekerja terhadap sesuatu golongan sehingga mereka gagal mendapat pekerjaan. Di samping itu juga, peningkatan dalam kadar pengangguran di Eropah pada pertengahan dekad 1980-an dan 1990-an adalah disebabkan oleh globalisasi, trend penswastaaan dan deregulasi dalam pasaran buruh. Ini telah memberi kesan kepada mereka yang dahulunya mempunyai pekerjaan yang terjamin (Bhalla dan Lapeyre 1999). Mereka yang kehilangan pekerjaan bukan saja mengalami kekurangan pendapatan tetapi turut mengalami marginalisasi sosial dan psikologi. Hal ini kerana bayaran bantuan hidup adalah lebih rendah daripada pendapatan yang diperoleh ketika bekerja. (Paugam 1995; Sen 2000). Perasaan rendah diri di kalangan golongan penganggur adalah tinggi dan keadaan ini telah mengurangkan penglibatan mereka dalam masyarakat (Sen 2000). Menurut Sen (1987) juga, kegagalan untuk bergaul dengan masyarakat ini merupakan sebahagian daripada kehidupan golongan miskin.

Selain diterima oleh negara-negara Kesatuan Eropah dan England, pendekatan marginalisasi turut diperkatakan di Amerika Syarikat. Namun begitu, pada peringkat permulaan pendekatan ini telah disamaertikan dengan teori *underclass* (Saith 2001: 3). Mengikut teori *underclass* ini, golongan yang marginal ialah mereka yang menyimpang dari aspek moral dan norma-norma budaya masyarakat. dan memperlihatkan budaya miskin. Oleh itu, kemiskinan yang dialami dikatakan berpuncak daripada diri dan budaya mereka sendiri. (Shucksmith *etal.* 2001: 8).

Teori *underclass* ini sebenarnya ditujukan kepada masyarakat kulit hitam. Dengan mengaitkan kemiskinan sebagai penyebab dari mereka sendiri bermakna kerajaan tidak perlu mengambil tindakan untuk membangunkan golongan itu. Begitu juga teori ini cuba menutup kemiskinan masyarakat kulit hitam akibat dari dasar perkauman serta pelbagai bentuk diskriminasi yang dikenakan oleh masyarakat kulit putih terhadap mereka. Kini perdebatan kemiskinan di Amerika Syarikat yang berasaskan kepada teori *underclass* sudah tidak lagi mendapat perhatian di kalangan para sarjana atas dasar prejudisnya terhadap sesuatu kaum (Hann 2001). Peralihan mula ditumpukan kepada penyingkiran sosial dengan menerima pendekatan *Liberal Anglo Saxon*. Dari pendekatan ini, penduduk kulit hitam yang marginal menjadi miskin kesan daripada proses diskriminasi yang telah mereka alami sama ada oleh pemerintah ataupun oleh masyarakat kulit putih sendiri. Diskriminasi yang berlaku bukan disebabkan mereka kurang berkebolehan tetapi disebabkan diskriminasi ke atas warna kulit atau *racism*. Keadaan ini telah menunjukkan bagaimana masyarakat kulit hitam telah dipinggirkan daripada pasaran buruh (Loury 1999). Mereka didiskriminasikan dari awal proses pengambilan sehingga menyebabkan kadar pengangguran yang tinggi di kalangan mereka. Walaupun terdapat undang-undang antidiskriminasi yang dikeluarkan pada 1960, tetapi ianya masih gagal untuk membendung amalan diskriminasi ini (Loury 1999: 233). Pihak majikan dikatakan mempunyai keinginan diskriminasi yang tinggi. Masyarakat kulit hitam tidak diambil bekerja hanya dengan anggapan mereka mempunyai produktiviti yang rendah. Anggapan yang sama juga berlaku sekiranya mereka diambil bekerja dengan dibayar gaji yang lebih rendah berbanding dengan pekerja kulit putih. Marginalisasi dalam bentuk diskriminasi ini akhirnya mengurangkan peluang masyarakat kulit hitam untuk memperoleh pendapatan yang tinggi dan terus hidup dalam kemiskinan.

Selain di Amerika Syarikat, pendekatan marginalisasi juga sudah mula diminati oleh sarjana di Kanada (Hann 2001). Marginalisasi di Kanada adalah dalam aspek pasaran buruh akibat dari diskriminasi kaum serta faktor ketidakupayaan. Golongan yang sering didiskriminasikan ialah pendatang luar serta kaum asli Kanada (Jenson 2000). Kesan daripada

diskriminasi ini menyebabkan mereka terdedah kepada pengangguran jangka panjang dan seterusnya kemiskinan. Selain diskriminasi, marginalisasi juga dikatakan berlaku di kalangan golongan tua, ibu tunggal dan orang kurang upaya. Hal ini kerana mereka tidak mempunyai keupayaan untuk memasuki pasaran pekerjaan (Jenson 2000).

Marginalisasi terhadap kaum asli Kanada turut dinyatakan oleh Benoit (2001). Dalam kajiannya di *Vancouver's Downtown Eastside*, beliau mendapati perkhidmatan kesihatan yang disediakan kepada wanita kaum asli di situ amat tidak memuaskan. Keadaan ini dapat dilihat apabila mereka tidak dilayan dengan baik, masa rawatan yang singkat, tidak mendengar masalah pesakit, malah doktor juga selalu tidak hadir bertugas. Perkhidmatan kesihatan yang tidak memuaskan ini dikatakan berkait rapat dengan diskriminasi terhadap kaum tersebut.

Pendatang luar terutama dari negara Afrika, Asia atau pun Amerika Latin turut merasai marginalisasi berasaskan warna kulit oleh Amerika Syarikat. Mereka dipandang rendah oleh masyarakat setempat, sukar mendapatkan tempat kediaman, tidak dibenarkan bersuara dan dilarang menjawat jawatan di sektor perkhidmatan. Malah sekiranya mereka seorang pelajar mereka dianggap kurang berkebolehan oleh pengajar mereka sendiri (Uchem 2001: 4). Pengalaman yang dirasai akibat dipinggirkan ini telah menimbulkan perasaan marah dan kecewa di kalangan pendatang (Uchem 2001: 14).

Pulin Nayak (1995) telah melakukan kajian marginalisasi terhadap masyarakat India. Hasil kajian tersebut mendapati marginalisasi di negara ini berlaku disebabkan oleh sistem kasta yang masih menjadi amalan masyarakat India. Mengikut sistem kasta di India, masyarakat terbahagi kepada empat kasta utama iaitu Brahmin, Kshatriya, Vaishyas dan Shudra. Brahmin merupakan kedudukan yang teratas manakala Shudra paling rendah. Marginalisasi berasaskan kepada kasta berlaku pada kasta Shudra yang terdiri daripada 150 juta orang penganut Hindu (Hann 1998; Nayak 1995). Sebahagian besar penduduk berkasta Shudra adalah daripada golongan kaum Harijan yang juga dikenali sebagai orang yang tidak boleh disentuh. Mereka ini telah dipinggirkan daripada segala aspek kehidupan termasuk keagamaan. Mereka juga merupakan kaum yang paling miskin di India (Nayak 1998). Kaum Harijan, tidak dibenarkan bergaul dengan masyarakat ramai. Pergaulan dengan golongan dari kasta rendah ini dianggap sebagai perbuatan terlarang dari segi agama atau *taboo* (Berreman 1974: 433). Mereka dilarang dari memasuki kuil serta tidak dibenarkan membaca kitab suci Vedas (Nayak 1998). Di samping itu, mereka juga tidak boleh menikah dengan penduduk dari kasta lain, dan tidak dibenarkan memakan ataupun memasak makanan untuk golongan dari kasta atasan (Iddaikkadar 1979: 20). Kanak-kanak dari kaum Harijan pula dilarang bersekolah kerana ditakuti akan mengotorkan kesucian kanak-kanak dari kasta atasan. Marginalisasi yang serius terhadap kaum Harijan oleh masyarakat India telah menjadikan mereka sebagai golongan termiskin dari segala aspek kehidupan.

Satu lagi aspek marginalisasi yang terdapat di India ialah marginalisasi terhadap kanak-kanak. Mereka telah dipinggirkan daripada mendapatkan hak penghidupan yang selamat dan terjamin. Sebahagian besar zaman kanak-kanak telah dihabiskan untuk bekerja. Hal ini telah menyebabkan India mempunyai buruh kanak-kanak yang paling ramai di dunia. Pada 1990, jumlah mereka yang berumur antara 5 hingga 15 tahun dianggarkan seramai 18.17 juta orang (Nayak 1998). Buruh kanak-kanak ini terpaksa bekerja walaupun dengan upah yang amat rendah untuk terus hidup kerana kemiskinan keluarga. Sebahagian besar daripada mereka bekerja dalam sektor pertanian, pembuatan, pembinaan, di kedai-kedai kecil ataupun sebagai pembantu rumah.

Selanjutnya, satu lagi aspek marginalisasi yang amat ketara di negara membangun ialah marginalisasi gender. Di India misalnya, kaum wanita telah dipinggirkan daripada mendapatkan pelajaran sehingga mengakibatkan berlakunya peningkatan kadar buta huruf di kalangan mereka. Begitu juga di sektor pekerjaan, mereka dibayar gaji yang lebih rendah berbanding pekerja lelaki bagi kerja yang sama (Nayak 1998). Marginalisasi terhadap wanita dilaporkan lebih serius di Pakistan dan Bangladesh. Kedua-dua negara ini hanya mengehendkan kegiatan wanita untuk urusan rumah tangga sahaja. Walaupun ada wanita yang bekerja tetapi pekerjaan tersebut tertumpu kepada aktiviti kekeluargaan yang tidak berbayar seperti bekerja di ladang, membuat kraf tangan dan aktiviti-aktiviti tradisional yang lain (Hann 1998). Bagi kanak-kanak perempuan pula, pendidikan mereka sering diabaikan oleh keluarga disebabkan ia dikatakan membazirkan wang keluarga. Hal ini kerana mereka akan berkahwin di usia muda yang menyebabkan wanita tidak perlu belajar kerana peranan mereka lebih penting di rumah.

Marginalisasi di Pakistan telah dijalankan oleh Beall (2002) di bandar Faisalabad dalam wilayah Punjab. Hasil kajian menunjukkan terdapatnya satu suku kaum yang dikenali sebagai “Churha” ataupun “Punjabi Kristian” telah dipinggirkan oleh masyarakat tempatan kerana dikaitkan dengan jenis pekerjaan yang mereka lakukan. Sejak dari generasi terdahulu lagi kaum tersebut mewarisi pekerjaan yang dianggap hina dan kotor seperti membersihkan longkang dan mengangkut sampah di Faisalabad Municipality Corporation (Beall 2002: 8). Akibat dari pekerjaan tersebut seorang “Churha” menjadi marginal dan hanya hidup di kalangan suku kaum mereka saja.

Beall (2002) juga turut mengkaji keadaan marginalisasi yang berlaku terhadap masyarakat kulit hitam terutamanya di Afrika Selatan semasa dan selepas penjajahan. Dasar *apartheid* yang dilaksanakan oleh penjajah kulit putih telah menyebabkan masyarakat kulit hitam disingkirkan dari segala aspek kehidupan. Dari segi politik mereka telah dinafikan hak untuk mengundi semasa pilihan raya. Di samping itu, mereka juga dikehendaki terus berada dalam sektor pertanian tradisi supaya tidak dapat bergiat dalam sektor ekonomi seperti sektor-sektor industri dan perkhidmatan.

Melalui dasar ini juga, pihak kerajaan telah menjalankan tindakan penyingkiran secara geografi. Penduduk yang berkulit hitam telah dikumpulkan di bahagian selatan negara manakala penduduk berkulit putih di bahagian utara (Beall 2002: 11). Segala pembangunan ditumpukan di bahagian utara khususnya di bandar raya Johannesburg, manakala kawasan untuk kulit hitam telah diabaikan. Kesan daripada dasar *apartheid* ini telah menyebabkan sebagian besar daripada penduduk kulit hitam menderita akibat kemiskinan. Pada tahun 1994 dasar *apartheid* ini telah dihapuskan oleh Nelson Mandela. Nelson Mandela merupakan pemimpin kulit hitam yang telah berjaya dipilih sebagai Presiden Afrika Selatan melalui satu pilihan raya bebas di bawah kelolaan Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu. Kejayaan masyarakat kulit hitam memerintah negara sendiri sepatutnya telah menamatkan masalah marginalisasi terhadap mereka. Namun, keadaan sedemikian masih berlaku tetapi dilakukan oleh pihak yang berbeza. Sekiranya di zaman penjajah, masyarakat kulit hitam dipinggirkan oleh kerajaan kulit putih tetapi kini mereka dipinggirkan pula oleh kerajaan mereka sendiri (Bealle 13). Elit-elit kulit hitam mula berpindah dan menetap bersama penduduk kulit putih di kawasan utara. Mereka mengumpul kekayaan untuk diri sendiri dan terus melupakan masyarakat kulit hitam yang lainnya.

Selain kajian di Afrika Selatan, satu lagi kajian marginalisasi di benua Afrika telah dijalankan oleh Lemarchand (2000) di negara Rwanda dan Burundi. Marginalisasi yang berlaku di kedua-dua negara ini berpuncak dari pertelingkahan di antara dua suku kaum iaitu Tutsi dan

Hutu. Di Rwanda, sebelum zaman revolusi (1959 hingga 1962), kaum Tutsi telah memegang kuasa pemerintahan negara walaupun jumlah mereka hanyalah dua puluh perseratus saja. berbanding kaum Hutu yang berjumlah delapan puluh perseratus. Semasa pemerintahan Tutsi, mereka telah meminggir terus kaum Hutu daripada mendapat hak sebagai seorang warga negara. Kaum Hutu bukan saja tidak dibenarkan mengundi semasa pilihan raya, malah dilarang dari menubuhkan parti politik (Lemarchand 2000: 7). Dari segi ekonomi pula, kaum Hutu telah dinafikan hak ke atas tanah tradisi milik mereka. Pemerintah juga telah mengagihkan tanah tersebut kepada penduduk keturunan Tutsi. Marginalisasi yang melampau ini akhirnya telah menyebabkan berakhirnya pemerintahan kaum Tutsi pada 1962. Namun begitu, pemerintahan baru oleh kaum Hutu sebagai membalas dendam telah melakukan marginalisasi yang sama terhadap kaum Tutsi. Keadaan ini telah menyebabkan lebih dari dua ratus ribu kaum Tutsi menjadi pelarian ke negara-negara Afrika yang lain. Kesan daripada marginalisasi yang dilakukan oleh kedua-dua kaum ini telah meneruskan pertelingkahan di antara mereka dan mewujudkan keadaan ketidakstabilan bagi negara Rwanda (Lemarchand 2000: 2).

Keadaan marginalisasi yang sama turut berlaku di negara Burundi oleh kaum Tutsi ke atas kaum Hutu. Berbeza dengan Rwanda percubaan merampas kuasa oleh kaum Hutu di Burundi pada 1965, 1969 dan 1972 gagal mencapai matlamatnya sehinggalah berlakunya pembunuhan hampir lapan ratus ribu kaum Tutsi oleh kaum Hutu pada 1992 (Lemarchand 2000: 6). Keadaan ini akhirnya telah memaksa kerajaan memberi sandi kepada kaum Hutu hak untuk memilih dan pembentukan parti politik secara demokrasi.

Keadaan marginalisasi yang berlaku di kedua-dua negara Afrika ini begitu jelas dan serius. Marginalisasi tetap berlaku di negara-negara membangun yang lain dalam bentuk yang berbeza namun tidaklah sehebat di kedua-dua negara Afrika ini. Saavedra (2002) telah menjalankan kajian ke atas negara Peru dan mendapati marginalisasi pekerjaan dalam sektor swasta masih berlaku dengan meluas di negara tersebut. Walaupun Peru telah mencapai kemerdekaan daripada Spanyol tetapi sektor swastanya masih dikuasai oleh kapitalis penjajah. Marginalisasi di sektor pekerjaan ini amat dirasai oleh penduduk peribumi iaitu kaum Quechua dan Aymara. Mereka amat sukar mendapatkan pekerjaan kerana dianggap tidak produktif. Sikap diskriminasi ini turut berlaku sekiranya mereka diambil bekerja. Mereka dibayar dengan gaji yang lebih rendah berbanding pekerja kulit putih yang melakukan pekerjaan yang sama. Walaupun undang-undang antidiskriminasi telah dikeluarkan oleh kerajaan Peru pada 1998, tetapi masalah marginalisasi di sektor swasta terus berlaku kerana kekuatan ekonomi kapitalis yang tidak dapat ditandingi oleh kerajaan sendiri (Saavedra 2002: 12).

Satu lagi kajian marginalisasi di negara membangun telah dijalankan oleh Querijero (2001) di negara Filipina. Menurut kajian yang telah dijalankan, pendekatan marginalisasi di Filipina mula digunakan semasa pemerintahan Estrada. Sebelum itu, kerajaan Filipina hanya menggunakan garis kemiskinan sebagai ukuran terhadap masyarakat miskin. Sebagai Presiden yang dikatakan mendapat dukungan masyarakat miskin, Estrada telah memperluaskan dasar kebajikannya dengan mengenal pasti golongan marginal. Mereka yang telah dikenalpasti adalah terdiri daripada orang-orang tua, kumpulan kurang upaya, pekerja asing, kumpulan miskin bandar, buruh-buruh di sektor tidak formal, petani, nelayan dan Orang Asli (Querijero 2001: 19). Dengan menggunakan pendekatan persaudaraan seperti yang dipraktikkan di Perancis, kerajaan Estrada telah memperkenalkan program bantuan secara terus. Bantuan tersebut termasuklah perkhidmatan kesihatan, pendidikan, harga sokongan untuk beras dan jagung, perumahan, bekalan elektrik di kawasan luar bandar serta bantuan makanan. Namun begitu, kesan dasar

Estrada terhadap golongan marginal ini tidak dapat dinilai kerana pemerintahannya yang singkat dan telah diambil alih oleh Presiden Arroyo.

Terdapat juga beberapa kajian mengenai marginalisasi yang berlaku di Malaysia. Aspek ini mula disentuh seawal 1923 lagi oleh Za'aba dalam tulisannya mengenai kemiskinan orang Melayu. Menurut Za'aba, kemiskinan orang Melayu meliputi kemiskinan ekonomi yang melibatkan wang ringgit dan harta benda. Manakala kemiskinan yang bukan berbentuk ekonomi pula seperti moral, rohani, pendidikan dan kemahiran sehingga menyebabkan mereka ketinggalan berbanding dengan kaum yang lain. Kemiskinan ini berlaku akibat daripada kekurangan jenis pendidikan yang betul (Ugku Aziz 1975: 57) seperti katanya:

“Bahawasanya keselamatan orang Melayu ini pada pihak jalan kehidupannya (pencariannya) dan pada pihak perangai-perangai yang kekurangan itu hanyalah boleh didapati pada satu jalan sahaja, iaitu pengetahuannya - dengan jalan diberi mereka itu pelajaran-pelajaran daripada jenis yang betul. Maka di situlah, dan di situlah sahaja boleh didapati keselamatan ini, tiada pada yang lain”.

Kekurangan jenis pendidikan yang betul ini pula berpuncak daripada dasar marginalisasi penjajah terhadap orang Melayu. Pendidikan yang disediakan hanyalah menekankan latihan jasmani, pekerjaan tangan dan latihan pertanian yang tidak lebih daripada darjah enam. Pelajaran jenis ini hanya dapat melahirkan peon, tambu dan orang suruhan dan bukannya pekerja yang menggunakan otak (Ungku Aziz 1975: 5). Penekanan penjajah terhadap pendidikan yang mundur dan lapuk kepada orang Melayu merupakan satu manifestasi kepada marginalisasi pendidikan. Dengan marginalisasi ini, penjajah berharap orang Melayu akan ketinggalan dalam bidang-bidang lain, dan terus mundur dan miskin serta dapat diperintah dengan lebih mudah.

Kajian mengenai marginalisasi di Malaysia seterusnya lebih tertumpu kepada kemiskinan di bandar (antaranya sila lihat Ishak Shari 1977; Nurizan Yahaya 1989; A. Halim Ali 1990; Mohd Taib Dora 2000). Kajian oleh Ishak Shari dan Nurizan Yahaya tertumpu kepada marginalisasi dari aspek perumahan. Menurut mereka, kegagalan kerajaan menyediakan rumah kos rendah yang mencukupi telah menjadi salah satu punca masalah setinggan yang berterusan di Kuala Lumpur. Di samping itu, harga rumah kos rendah yang ditawarkan masih lagi tinggi dan di luar kemampuan penduduk miskin bandar. Hanya sebagian kecil saja daripada mereka yang mampu membeli rumah tersebut dan yang selebihnya terus tinggal sebagai setinggan. Ini bermakna, dasar perumahan kerajaan semasa kajian tersebut dijalankan hanya dapat membantu sebahagian kecil sahaja daripada golongan miskin dan sebahagian besar daripada mereka telah dipinggirkan.

A. Halim (1990), mengkaji masyarakat bumiputera di Kampung Tebang Bakar iaitu sebuah kawasan dalam perbandaran Sandakan, Sabah. Kawasan ini walaupun terletak hanya 11 kilometer dari pusat bandar Sandakan, tetapi telah marginal dari segala aspek kemajuan dan kehidupan moden. Menurut kajiannya sebanyak 80.0% daripada penduduk kampung tersebut adalah miskin (A. Halim 1990: 35). Daripada jumlah tersebut, 61.0% bekerja sebagai buruh, manakala selebihnya bekerja sebagai nelayan, bekerja sendiri, dan tidak tentu kerja ataupun menganggur. Kajian beliau juga mendapati 40.0% daripada mereka adalah buta huruf dan sebahagian besarnya tidak bersekolah menengah.

Keadaan rumah di kampung tersebut juga amat menyedihkan. Hal ini dapat dilihat dengan keadaan rumah yang bersesak, dandiperbuat daripada sisa-sisa kayu dari kilang papan yang berhampiran serta keadaan sanitasi yang begitu rendah. Walaupun keadaan Kampung Tebang Bakar ini amat menyedihkan, tetapi penduduknya tidak mempunyai pilihan untuk keluar

daripada kampung tersebut kerana kadar rumah sewa yang mahal di kawasan bandar. Di samping itu, pihak kerajaan juga tidak menyediakan rumah-rumah kos rendah untuk mereka. Kehidupan mereka menjadi bertambah susah apabila kemudahan seperti bekalan air, kemudahan kesihatan, pendidikan serta perhubungan jalan raya yang baik juga tidak disediakan oleh kerajaan. Keadaan kampung tersebut yang serba kekurangan menepati gelaran yang diberikan oleh A. Halim sebagai “melukut kota” kerana ketinggalan dari segala aspek kehidupan berbanding dengan penduduk kota Sandakan. Keadaan yang serba miskin ini menurut beliau, bersumber dari marginalisasi kerajaan akibat daripada kurangnya kemahuan politik untuk membangunkan masyarakat di perkampungan tersebut (A. Halim Ali 1990: 35).

Satu lagi kajian mengenai marginalisasi telah dijalankan oleh Mohd Taib Dora (2000) di bandar raya Kuala Lumpur. Kajian tersebut mendapati sebahagian besar golongan termiskin tidak mendapat pendidikan yang sempurna. Hanya 0.4% daripada mereka yang tamat sekolah menengah pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Sebanyak 5.3% pula tidak pernah bersekolah dan buta huruf (Mohd Taib Dora 2000: 59). Ini menunjukkan terdapatnya marginalisasi pendidikan di kalangan mereka. Akibat pendidikan yang rendah, mereka seterusnya marginal daripada peluang-peluang pekerjaan yang berdaya maju. Sebahagian daripada mereka bekerja sebagai buruh, pekerja kilang, jaga, pencuci bangunan, dan bekerja di sektor tidak formal. Sebanyak 32.0% daripada mereka bekerja di sektor tidak formal seperti berniaga kecil-kecilan, pembantu rumah, pembantu kedai makanan, pencuci kain, menjaga tempat letak kereta dan lain-lain. Hal ini menunjukkan bahawa masih ramai daripada golongan miskin bandar ini marginal daripada bidang pekerjaan yang produktif.

Dari segi perumahan pula, 39.7% memiliki rumah sendiri tetapi di kawasan setinggan, 47.4% menyewa terutamanya di rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan 12.9% lagi menumpang di rumah orang lain. Ini bermakna, 60.3% daripada mereka masih marginal daripada memiliki rumah sendiri. Sebahagian besar golongan yang marginal ini masih memilih untuk menjadi setinggan kerana kurang mampu untuk membayar sewa walaupun kerajaan mempunyai dasar perumahan untuk mereka. Begitu juga bagi yang menyewa, mereka gagal untuk memiliki rumah yang disediakan. Ini kerana antara syarat skim sewa beli yang dikenakan oleh kerajaan ialah mereka perlu menyewa sekurang-kurangnya 10 tahun sedangkan pendapatan mereka sentiasa tidak menentu. Dasar kerajaan ini telah meminggirkan sebahagian besar daripada golongan miskin bandar untuk memiliki rumah sendiri.

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Taib Dora (2000) juga telah memperlihatkan marginalisasi dari aspek bantuan. Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, Baitulmal dan Kemas ada menyediakan bantuan kepada golongan miskin. Ini termasuklah bantuan kewangan, biasiswa pendidikan dan bantuan pengajian anak-anak termasuk tambang, yuran, dan lain-lain, bantuan modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan, bantuan rawatan percuma, bantuan sewa rumah, bantuan makanan, membaiki rumah dan sebagainya. Namun begitu, penerima bantuan masih belum menyeluruh kerana 18.4% daripada golongan termiskin bandar ini tidak menerima sebarang bantuan daripada kerajaan (Mohd Taib Dora 2000:134). Ini boleh dianggap sebagai kes marginalisasi yang paling nyata dalam soal pengagihan bantuan di bandar. yang menjadikan kehidupan mereka bertambah daif.

Keadaan marginalisasi di Malaysia juga berlaku di kalangan Orang Asli (Endicott dan Dentan 2004; Nicholas 1999; Hassan Ishak 1998). Masyarakat tersebut didapati marginal daripada menerima kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya. Mereka juga

marginal daripada pekerjaan di sektor awam dan bantuan-bantuan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan. serta dari segi pemilikan tanah.

Daripada perbincangan ini jelas menunjukkan bahawa aspek marginalisasi di negara membangun dan negara maju adalah berbeza. Marginalisasi di negara membangun lebih ditentukan oleh budaya dan sistem sosial mereka iaitu marginalisasi kasta, wanita dan kanak-kanak serta marginalisasi kerana jenis pekerjaan yang dilakukan. Manakala marginalisasi di negara maju ditentukan oleh dasar-dasar pemerintah seperti dasar terhadap pekerja luar, dasar kebajikan negara yang mengecualikan beberapa golongan, dasar perkauman seperti di Amerika Syarikat ataupun dasar diskriminasi terhadap kumpulan minoriti seperti kaum asli di Kanada. Namun begitu, terdapat juga marginalisasi di negara membangun seperti Malaysia dan Afrika Selatan yang berlaku akibat dari dasar pihak pemerintah sendiri. Walau bagaimanapun, pihak pemerintah khususnya di Malaysia telah berusaha memperbaiki keadaan golongan ini bagi membantu golongan yang marginal keluar dari belenggu kemiskinan. Namun begitu, usaha-usaha tersebut masih belum mencukupi dan perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh.

Dimensi Masyarakat Marginal

Sekurang-kurangnya terdapat tiga dimensi penting dalam memahami masyarakat marginal iaitu dari dimensi peluang pekerjaan dan status sosio-ekonomi, dimensi politik dan pentadbiran awam, serta aksesibiliti kepada kemudahan asas.

Dimensi Ekonomi: Peluang Pekerjaan dan Status Sosio-Ekonomi

Kesukaran mendapatkan pekerjaan kerana diskriminasi di pasaran buruh. Pihak majikan enggan mengambil pekerja individu dari sesuatu kaum atau kumpulan kerana sikap prejudis terhadap mereka. Bagi yang diterima bekerja pula dibayar gaji yang lebih rendah berbanding golongan lain bagi pekerjaan yang sama. Golongan yang dipinggirkan ialah kaum kulit hitam, wanita, buruh kanak-kanak, kaum asli dan pendatang (Jenson 2000; Saavera 2002; Atkinson 2000; Percy 2000; Hann 2001; Loury 1999; Bhalla & Lapeyre 1999; Beall 2002). Golongan kulit hitam dan pendatang dari Afrika, Asia dan Amerika Latin menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan, perumahan dan hak bersuara kerana didiskriminasi oleh majikan di pasaran buruh dan masyarakat tempatan (Uchem 2001). Mereka yang kehilangan pekerjaan bukan sahaja mengalami kekurangan pendapatan kerana bayaran bantuan hidup yang lebih rendah daripada pendapatan yang diperolehi ketika bekerja tetapi juga mengalami marginalisasi sosial dan psikologi kerana perasaan rendah diri di kalangan penganggur adalah tinggi dan keadaan ini mengurangkan penglibatan mereka dalam masyarakat (Paugam 1995; Sen 2000). Wanita dan kanak-kanak yang bekerja dengan upah yang rendah dan keadaan mereka yang buta huruf kerana marginal daripada mendapat pendidikan. Selain itu, kaum dari kasta rendah dipinggirkan dari masyarakat ramai kerana kedudukan kastanya (Nayak 1995). Golongan Orang Asli yang dipinggirkan akibat sukar mendapat hak milik tanah, pekerjaan dalam perkhidmatan awam serta bantuan dari agensi-agensi kerajaan kerana kurangnya usaha kerajaan untuk membantu mereka (Endicott & Dentan 2004; Nicholas 1999).

Dimensi Politik dan Amidstrasi Publik

Golongan yang tiada penglibatan aktif dalam organisasi politik akan marginal dari mendapat bantuan dan kemudahan kerajaan (Ward 1986). Golongan yang marginal daripada mendapat kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bermakna telah berlaku

marginalisasi terhadap hak demokrasi mereka (Ambrosio et al. 2002). Kumpulan etnik kulit hitam dipinggirkan dalam arus politik perdana ekoran daripada dasar apartheid (Uchem 2001). Golongan yang tidak menerima bantuan sosial dan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan. Mereka termasuklah kanak-kanak, orang tua, ibu tunggal, orang kurang upaya dan orang yang rusak akhlak (Lenoir 1974). Golongan miskin bandar yang dipinggirkan kerana tidak menerima bantuan rumah kos rendah dan bantuan modal untuk memajukan keluarga (Mohd Taib Dora 2000).

Dimensi Kemudahan Fisik: Keterbatasan dalam Aksesibiliti

Golongan yang tidak berpeluang mendapatkan kemudahan komunikasi kerana tidak memiliki alat-alat komunikasi moden seperti televisyen, radio dan komputer. Kesannya mereka marginal dari aspek maklumat dan komunikasi (Tomlinson 1986). Keadaan kaum Asli di Kanada yang tidak mendapat perkhidmatan kesihatan yang baik kerana didiskriminasi oleh pihak kerajaan (Benoit 2000). Golongan yang tidak mampu mendapatkan perkhidmatan bank, kredit dan pelaburan dikategorikan sebagai marginal (Alcock 1993). Golongan miskin bandar yang tidak mampu memiliki rumah kos rendah dan marginal sebagai setinggan (Ishak Shari 1977 ; Nurizan Yahya 1989). Golongan miskin bandar yang dipinggirkan kerana tidak menerima bantuan rumah kos rendah serta kemudahan bekalan air dan elektrik (A. Halim Ali 1990). Golongan Orang Asli yang dipinggirkan dan tidak memperoleh kemudahan pasokan air pipa, pasokan elektrik dan jalan raya (Hassan Ishak 1998).

Kasus Indonesia

Kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini kebanyakannya hanya tertumpu kepada golongan penganggur, pendatang asing, wanita, penghuni kota, penduduk berkulit hitam, penduduk dari kasta rendah dan kanak-kanak. Justeru, penyelidik mengambil kesempatan ini untuk mengkaji keadaan marginalisasi secara lebih khusus terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Marginalisasi berasaskan gender dialami oleh kaum wanita apabila mereka marginal daripada sektor pekerjaan. Kegiatan kaum wanita di Pakistan dan Bangladesh telah dihadkan kepada aktiviti-aktiviti di rumah sahaja (Hann 1998). Sekiranya terdapat wanita yang menjalankan aktiviti luar seperti berladang, membuat kraf tangan atau kegiatan-kegiatan lain, ianya masih terhad kepada kegiatan milik keluarga yang dijalankan tanpa sebarang bayaran. Di samping itu, wanita juga marginal daripada mendapat pendidikan sehingga menjadikan mereka buta huruf seperti yang berlaku di negara India (Nayak 1998). Bagi wanita yang bekerja pula, mereka masih marginal kerana dibayar gaji yang lebih rendah berbanding lelaki bagi pekerjaan yang sama (Nayak 1998).

Marginalisasi juga dialami oleh golongan kanak-kanak iaitu marginal daripada mendapatkan hak penghidupan yang selamat dan terjamin (Nayak 1998). Akibat daripada kemiskinan keluarga, golongan kanak-kanak ini terpaksa bekerja di awal usia dengan upah yang amat rendah. Selain itu, mereka juga merupakan golongan buta huruf kerana marginal daripada mendapatkan pendidikan yang sempurna.

Dalam kalangan masyarakat berkasta rendah juga turut dikenalpasti berlakunya marginalisasi (Nayak 1998). Seorang Harijan dari kasta Shudra bukan sahaja tidak dihormati oleh masyarakat India kerana kedudukan kastanya yang rendah malah mereka juga tidak dibenarkan bergaul dengan golongan dari kasta lain. Mereka juga tidak dibenarkan memasuki

kuil dan membaca kitab suci Vedas. Mereka telah dihadkan bekerja dalam bidang pekerjaan yang dianggap hina dan kotor oleh masyarakat. Keadaan ini menyebabkan mereka bukan sahaja marginal dari aspek kemanusiaan malah meliputi ekonomi, sosial dan juga agama.

Marginalisasi turut berlaku berasaskan kepada warna kulit. Marginalisasi ini dialami oleh masyarakat kulit hitam di Amerika Syarikat dalam pasaran buruh (Loury 1999). Masyarakat kulit hitam tidak diambil bekerja kerana dianggap mempunyai produktiviti yang rendah. Sekiranya mereka diambil bekerja, upah yang dibayar adalah lebih rendah bagi jenis pekerjaan yang sama. Marginalisasi berasaskan warna kulit di Amerika Syarikat turut dialami oleh pendatang luar terutama dari Afrika, Asia ataupun Amerika Latin.

Selain dilarang mendapatkan pekerjaan di sektor perkhidmatan, mereka juga dilarang bersuara dan dipandang rendah oleh masyarakat tempatan (Loury 1999). Marginalisasi berbentuk ekonomi dan sosial ini turut dialami oleh pendatang luar dan kaum asli di Kanada (Jenson 2000). Selain tidak diambil bekerja ataupun dibayar dengan upah yang rendah mereka juga marginal daripada mendapat perkhidmatan kesihatan yang memuaskan (Benoit 2001).

Marginalisasi terhadap kaum Asli juga dikenal pasti berlaku di Peru dan Malaysia. Keadaan diskriminasi dari aspek pengambilan pekerja serta bayaran upah yang lebih rendah kepada kaum Quecha dan Aymara di Peru memperlihatkan marginalisasi yang mereka alami dari aspek pekerjaan (Saavedra 2002). Di Malaysia masyarakat Orang Asli pula didapati marginal daripada kemudahan asas, pekerjaan di sektor publik, bantuan-bantuan kerajaan dan pemilikan tanah sehingga mereka menjadi mundur dan ketinggalan dari arus pembangunan negara (Endicot dan Dentan 2004; Nicolas 1999; Hassan Ishak 1998).

Selain itu, masyarakat miskin di bandar iaitu mereka yang bekerja sebagai buruh kasar, pekerja kilang, jaga dan golongan pekerja di sektor tidak formal juga didapati marginal daripada kemudahan asas, pendidikan, kesihatan, perumahan dan bantuan-bantuan kerajaan yang lain (Mohd Taib Dora 2000; A. Halim 1990).

Dalam kalangan golongan penganggur juga turut dikenal pasti berlakunya masalah marginalisasi. Selain menerima bantuan hidup yang rendah dari pendapatan yang diperoleh ketika bekerja, mereka juga mengalami marginalisasi sosial dan psikologi (Paugam 1995; Sen 2000). Perasaan rendah diri yang tinggi di kalangan penganggur telah mengurangkan penglibatan mereka dengan masyarakat (Sen, 2000). Akhir sekali, marginalisasi turut dialami oleh golongan yang berada di luar pasaran buruh iaitu orang kurang upaya, ibu tunggal dan orang tua kerana tidak mempunyai keupayaan untuk memasuki pasaran pekerjaan (Jenson, 2000).

Golongan-golongan yang marginal mengalami pelbagai dimensi marginalisasi. Antaranya marginalisasi dari aspek komunikasi, perkhidmatan kewangan, penglibatan dalam organisasi politik dan masa senggang seperti yang dibincangkan oleh sarjana Child Poverty Action Group di England.

BAB 2

KEMISKINAN DAN MASYARAKAT MARGINAL

Konsep Kemiskinan

Kemiskinan adalah suatu konsep yang tidak mempunyai definisi secara objektif kerana wujud dalam pelbagai dimensi (Narayan *et al.* 2000; Laderchi 2000; Franco 2003). Kemiskinan bukan hanya kekurangan sumber-sumber kebendaan seperti yang difahami oleh ahli ekonomi, tetapi kemiskinan didefinisi sendiri oleh orang miskin sebagai kekurangan untuk bersuara, kekurangan kuasa dan pergantungan (Narayan *et al.* 2000: 32). Hal ini bermakna definisi kemiskinan bergantung kepada siapa yang menginterpretasikannya serta ukuran kemiskinan yang digunakan.

Keadaan kemiskinan yang difahami oleh pihak luar tidak semestinya sama dengan apa yang difahami oleh golongan miskin. Keadaan inilah yang membawa kepada satu pendekatan baru iaitu pendekatan penyertaan atau *Participatory Poverty Assessments* (PPA).

Chambers telah mengemukakan *Participatory Poverty Assessments* (PPA) bertujuan untuk melibatkan golongan miskin dalam pembangunan luar bandar (Chambers 1994, 1997). Dalam program pembangunan mereka, tafsiran dan ukuran kemiskinan mengikut pandangan orang miskin telah dijadikan ukuran. Pada peringkat awalnya, pendekatan ini telah dipraktikkan dalam projek-projek kecil namun kemudiannya telah diterima dengan meluas oleh Bank Dunia dalam pengkajian kemiskinan. Sebagai contoh dalam World Development Report 2000/1 yang bertajuk *Voices of the Poor*, sebanyak dua puluh tiga buah negara yang dikaji telah menggunakan pendekatan ini (Narayan *et al.* 2000). Pendekatan yang sama telah digunakan oleh *International Monetary Fund* (IMF) dalam menentukan bantuan kepada negara-negara miskin (Laderchi 2001).

Interpretasi kemiskinan oleh golongan miskin di Nepal pula merujuk kepada keadaan mereka yang tidak memiliki tanah, tanpa pendidikan, inflasi yang tinggi serta keadaan yang sering dilanda bencana alam (Fujikura *et al.* 1998). Tafsiran kemiskinan di Bangladesh pula merujuk kepada keadaan tanpa pekerjaan, tanpa pemilikan tanah dan tahap perkhidmatan kesihatan serta pendidikan yang tidak memuaskan (UNDP 1996). Ketua isi rumah wanita miskin di Republik Guinea pula mentafsirkan kemiskinan sebagai keadaan tanpa hak bersuara dalam masyarakat serta terpaksa menanggung bebanan kerja yang lebih berat berbanding ketua isi rumah lelaki (Shaffer 1998). Di Sri Lanka pulakeadaan tanpa kemudahan asas, kekurangan makanan, modal, peralatan, sumber semula jadi dan pekerjaan merupakan tafsiran golongan miskin negara tersebut. Di samping itu, keadaan mereka yang sering terdedah kepada konflik bersenjata, diskriminasi etnik oleh pihak kerajaan serta keadaan masyarakat tanpa perpaduan turut ditafsirkan sebagai kemiskinan. Dengan lain perkataan, definisi kemiskinan tunduk kepada pendekatan yang digunakan.

Kualiti hidup adalah menjadi penentu kepada taraf kemiskinan dan bukan sepenuhnya bergantung kepada kadar pendapatan isi rumah (Boating 1990). Kualiti hidup telah menjadi indicator utama dalam takrifan kemiskinan. Indikator-indikator ekonomi, sosial dan politik telah digabungkan bagi menggambarkan kualiti hidup dalam satu indeks komposit melalui pendekatan ini. Kualiti hidup yang semakin rendah dikaitkan dengan peningkatan dalam masalah kemiskinan dan sebaliknya. Indikator-indikator ini secara umumnya telah diklasifikasikan kepada indikator objektif dan indikator subjektif. Indikator objektif ditentukan dengan menghitung kejadian sesuatu fenomena. Indikator subjektif pula adalah berasaskan kepada laporan daripada individu-individu tentang tanggapan, perasaan ataupun reaksi mereka terhadap sesuatu perkara (Gaspar 2004: 10). Pendekatan ini telah mula digunakan oleh Drewnowski (1967, 1970) dan Mc Granahan (1970). Sebanyak enam belas pemboleh ubah sosioekonomi telah digunakan. Antara pemboleh ubah tersebut termasuklah kadar kematian bayi, kadar pendaftaran sekolah, kadar penduduk yang tinggal di kawasan yang sesak, kadar pengambilan kalori, jumlah penghuni bagi sebuah bilik dan jumlah penduduk yang membeli surat khabar. Adelman dan Morris (1971) pula telah menggunakan empat puluh satu pemboleh ubah termasuk pemboleh ubah politik dalam kajian kualiti hidup. Antara pemboleh ubah politik yang dipilih ialah tingkat pemusatan kekuasaan politik, tingkat kebebasan parti politik pembangkang, tingkat kestabilan politik negara dan kekuatan politik tentera. Pendekatan objektif telah digunakan dalam kajian-kajian ini. Selanjutnya, indeks yang dikenali sebagai Indeks Kualiti Hidup Fisikal (PQLI) telah diperkenalkan oleh Morris pada 1979. Indeks ini telah digunakan sebagai pengukur paras kemiskinan dengan gabungan tiga pemboleh ubah penting iaitu kadar kematian bayi, jangka hayat dan kadar buta huruf.

Sen (1985) telah menggunakan pendekatan keupayaan untuk mengkaji kemiskinan yang juga merupakan pendekatan kualiti hidup (Gaspe 2004: 24; Webster 1998:3). Mengikut pendekatan ini kualiti hidup individu adalah gabungan dari pelbagai kefungsiian termasuk kefungsiian fizikal dan sosial. Kefungsiian tersebut merupakan pencapaian seseorang iaitu keupayaannya untuk melakukan sesuatu. Sen (1985) mentakrifkan kemiskinan sebagai kegagalan untuk mencapai keupayaan asas pada tahap minima berdasarkan kepada pendekatan ini (Laderchi 2004: 15). Dengan kegagalan tersebut bermakna kefungsiian asas manusia pada tahap minimum juga tidak dapat capai. Sen juga tidak mengemukakan satu senarai keupayaan asas manusia dalam menyatakan pendekatan ini walaupun ada mencadangkan supaya perhatian diberikan terhadap pemakanan yang mencukupi dan jangka hayat yang panjang (Cakraborty 2003: 7; Laderchi 2004: 18). Pendekatan keupayaan yang dikemukakan oleh Sen telah diguna

pakai oleh United Nation of Development Programe (UNDP) dengan memperkenalkan Indeks Kemiskinan Manusia (IKM) pada 1997. Indeks ini merupakan satu percubaan untuk mengumpul satu indeks komposit mengenai perbagai penyangkalan terhadap kualiti hidup untuk dinilai secara agregat tentang kemiskinan yang dihadapi oleh sesebuah masyarakat. IKM ini mencerminkan kemiskinan tiga unsur asas kehidupan manusia iaitu jangka hayat yang panjang, pengetahuan dan taraf hidup yang selesa (UNDP 1997:14). Unsur pertama ialah jangka hayat yang panjang berkait dengan penerusan hidup iaitu kematian pada umur yang relatif muda. Penafian pengetahuan termasuk pembacaan dan komunikasi pula merupakan unsur kedua. Akhir sekali, unsur ketiga melibatkan penafian terhadap taraf hidup yang selesa dalam bentuk peruntukan ekonomi secara keseluruhannya. Penafian terhadap penerusan hidup diukur oleh peratus penduduk yang diharapkan meninggal dunia sebelum berumur 40 tahun. Penyangkalan terhadap pengetahuan pula berdasarkan peratus penduduk dewasa yang buta huruf dan penyangkalan terhadap taraf hidup yang selesa malalui gabungan tiga unsur iaitu peratus penduduk yang tidak menerima bekalan air bersih, peratus penduduk yang tidak menerima perkhidmatan kesihatan dan peratus kanak-kanak berumur bawah lima tahun yang tidak cukup berat badan.

Para pengkaji lain seperti Nussbaum (2000), Dasgupta (2001) dan Narayan *et al.* (2000). Satu senarai keupayaan asas telah dikemukakan oleh Nussbaum (2000) yang mencerminkan kualiti hidup manusia iaitu jangka hayat yang normal, kesihatan yang baik, pemakanan yang mencukupi, tempat perlindungan, keupayaan bergerak, keupayaan beriadah, kesejahteraan emosi dan keupayaan hidup bermasyarakat. Penulisan oleh Dasgupta (2001) pula mengaitkan kualiti hidup dari aspek penghormatan masyarakat, kebebasan daripada penindasan, penglibatan dalam aktiviti sosial, kesihatan dan pendidikan. Cummins (2002), pula melihat kualiti hidup dari aspek kesejahteraan material, kesihatan, hubungan yang akrab, keselamatan, kesejahteraan emosi dan hidup bermasyarakat. Akhir sekali penulisan oleh Narayan *et al* (2000) menyatakan beberapa elemen yang menentukan kualiti hidup manusia yang mengambil kira aspek kesejahteraan kebendaan, kesejahteraan badan, kesejahteraan sosial, keselamatan, kebebasan memilih dan tindakan serta kesejahteraan psikologi. Penggunaan pendekatan kualiti hidup dalam pengkajian kemiskinan adalah lebih komprehensif berbanding pendekatan kewangan kerana ianya melibatkan aspek ekonomi, sosial, politik dan psikologi. Pengkajian kemiskinan dengan menggunakan pendekatan kualiti hidup juga ada kekurangannya kerana masih melibatkan tafsiran dan ukuran penyelidikan. Oleh yang demikian, pendekatan penyertaan yang mengkaji kemiskinan mengikut tafsiran dan ukuran oleh golongan miskin sendiri adalah diperlukan.

Ahli ekonomi telah menggunakan pendekatan kewangan secara meluas dalam pengkajian kemiskinan (Laderchi 2000; Asselin dan Dauphin 2001). Ukuran kemiskinan yang digunakan oleh ahli ekonomi adalah berasaskan kepada pendapatan ataupun perbelanjaan (Laderchi 2000). Kemiskinan telah didefinisikan sebagai kekurangan pendapatan untuk memenuhi kesejahteraan ekonomi atau *economic well-being* melalui ukuran ini. Ahli ekonomi ini menggunakan pendekatan berasaskan kepada teori utiliti dalam bidang mikroekonomi (Asselin dan Dauphin 2001: 21). Mengikut teori ini, individu tertentu akan mendapat utiliti iaitu perasaan gembira atau puas hati daripada penggunaan barangan. Utiliti yang diperoleh daripada penggunaan tersebut merupakan kesejahteraan ekonomi. Konsep kesejahteraan ekonomi digunakan oleh ahli ekonomi bagi menggambarkan utilitis individu manakala konsep kebajikan ekonomi atau *economic welfare* pula menggunakan bentuk agregat. (Ravallion 1994: 4). Individu yang tidak mencapai kesejahteraan ekonomi akibat daripada kekurangan pendapatan akan dikategorikan sebagai miskin.

Pada 1887 Charles Booth dalam kajiannya terhadap penduduk di timur London telah mengemukakan konsep kemiskinan mutlak. Dengan menggunakan maklumat pendapatan keluarga daripada Lembaga Pelawat Sekolah, beliau menganggarkan sebuah keluarga yang memperoleh pendapatan kurang daripada lapan belas pence seminggu dengan enam orang anak dikategorikan sebagai miskin dan layak menerima pengecualian yuran sekolah (Laderchi 2000: 5). Lapan kelas sosial telah dikenal pasti hasil daripada kajian yang telah dijalankan selama tujuh belas tahun. Kelas A adalah yang paling miskin diikuti oleh kelas B,C dan D. Kelas E dan seterusnya merupakan kumpulan yang melepasi garis kemiskinan yang ditetapkan. Selain pendapatan, Booth juga mendefinisikan kemiskinan melalui indikator pekerjaan, dan suasana kehidupan sesebuah keluarga. Individu yang tidak mempunyai pekerjaan tetap serta mempunyai tabiat moral yang buruk seperti berjudi dan ketagihan arak juga dimasukkan dalam kelas miskin. Ini bermakna Booth mendefinisikan kemiskinan melalui indikator ekonomi dan indikator sosial.

Pada 1889 seorang lagi ahli ekonomi iaitu Seebhom Rowntree telah mengkaji kemiskinan di kota York, London. Menurut beliau, kemiskinan adalah ketidakcukupan pendapatan untuk memenuhi keperluan asas di peringkat cukup hidup bagi mengekalkan kecekapan fizikal (Saunders 2004: 4). Mengikut pendekatan ini elemen yang penting ialah perhubungan antara pendapatan dan perbelanjaan terhadap makanan. Sesebuah keluarga dianggap hidup dalam kemiskinan jika jumlah pendapatannya tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan makanan atau tidak mendapat makanan yang berzat. Selain makanan, Rowntree juga mengambil kira keperluan pakaian dan sewa rumah sebagai kemudahan asas. Ukuran pendapatan yang digunakan bagi menggambarkan keperluan-keperluan asas ini dinamakan sebagai pendapatan garis kemiskinan (PGK). Golongan yang dikatakan miskin ialah mereka yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu pendapatan yang telah mengambil kira jumlah yang diperlukan untuk mendapatkan keperluan-keperluan asas. Selain menggunakan garis kemiskinan, Rowntree juga telah mengenalpasti golongan miskin berasaskan kepada keadaan kehidupan mereka. Sekiranya keadaan kehidupan mereka terbiar, kotor dan hina mereka masih lagi dianggap miskin walaupun pendapatan isi rumah telah melepasi garis kemiskinan. Bagi menggambarkan kemiskinan golongan tersebut, Rowntree telah menggunakan konsep kemiskinan sekunder. Oleh itu, Rowntree telah mengenal pasti sebanyak 30.0% daripada penduduk kota York adalah miskin. Keadaan ini bermakna, pemilihan indikator serta cara pengukuran seseorang penyelidik akan menentukan definisi kemiskinan yang digunakan serta mengenal pasti mereka yang miskin.

Ukuran kemiskinan yang berasaskan kepada PGK seperti yang digunakan oleh Rowntree telah digunakan secara meluas oleh ahli ekonomi di negara membangun dan negara maju termasuk Amerika Syarikat (Laderehi 2000: 11). Keperluan terhadap makanan menjadi asas kepada pembentukan PGK. Kaedah *Food Energy-Intake* yang dicadangkan oleh Martin Ravallion (1998) telah mengaitkan kemiskinan dengan kalori makanan. Apabila pendapatannya tidak dapat memenuhi syarat keperluan kalori yang ditetapkan oleh Food and Agriculture Organization (FOA) iaitu 2,400 kalori sehari seseorang itu akan dianggap miskin. Ini bermakna pengambilan makanan individu yang kurang daripada 2,400 kalori akan dianggap miskin. Namun begitu, syarat keperluan kalori tidak sama bagi setiap individu. Ini kerana faktor umur, jantina, aktiviti kehidupan harian, berat badan serta lokasi kawasan seseorang akan menentukan keperluan kalorinya. Faktor-faktor ini perlu diambil kira oleh setiap negara untuk menentukan piawai syarat keperluan kalorinya yang tersendiri (Sila lihat Jadual 2.2). Selain *Food Energy Intake*, kaedah kos keperluan asas juga telah digunakan iaitu dengan menetapkan PGK berasaskan kepada anggaran kos bagi keperluan-keperluan asas isi rumah (Laderchi 2000: 11). Keperluan asas tersebut adalah keperluan makanan dan bukan makanan seperti pakaian,

perumahan, pendidikan, sanitasi dan pengangkutan supaya isi rumah dapat hidup pada tahap minimum.

Jadual 2.2: Syarat Keperluan Kalori Makanan Sesebuah Negara

Sumber: Abuzar & Francisco (2001); Tarp (2002); Norinah Mohd Ali (2004)

Kadar kemiskinan dan jurang kemiskinan sering digunakan dalam mengukur kemiskinan mutlak mengikut pendekatan kewangan. Peratusan penduduk atau isi rumah yang mempunyai pendapatan yang lebih rendah daripada garis kemiskinan yang telah ditentukan merupakan kadar kemiskinan (Rodgers dan Rodgers 2000: 1). Jurang kemiskinan pula merupakan satu nisbah yang mengukur jarak perbezaan di antara pendapatan purata isi rumah dengan PGK (Harun Hashim 1991: 8). Nisbah ini memberi maklumat berapa peratus kurangnya purata pendapatan isi rumah miskin dari PGK.

Sekiranya jurang kemiskinan adalah 28.0% bermakna individu miskin secara puratanya mempunyai paras pendapatan 28.0% lebih rendah dari PGK. Ukuran kemiskinan dalam bentuk kadar kemiskinan tidak dapat menentukan sejauh mana sesebuah isi rumah itu berada di bawah garis kemiskinan. Walaupun kekurangan ini dapat diatasi oleh ukuran jurang kemiskinan, tetapi ukuran ini tidak dapat mengukur keperitan kemiskinan. Hal ini kerana ia tidak peka terhadap perubahan ketaksamaan di antara isi rumah yang miskin (Chotikapanich 1994: 197). Pindahan pendapatan dari isi rumah yang lebih miskin kepada isi rumah yang kurang miskin tidak diambil kira. Kekurangan-kekurangan ini seterusnya telah diatasi oleh Sen (1976). Menurut Sen, keperitan kemiskinan akan menjadi lebih serius sekiranya pendapatan dipindahkan dari isi rumah yang lebih miskin kepada kurang miskin. Namun, keperitan kemiskinan akan berkurangan sekiranya perkara yang sebaliknya berlaku. Ini bermakna Sen telah mengambil kira keadaan agihan pendapatan isi rumah miskin dalam ukuran kemiskinannya. Ukuran kemiskinan yang melibatkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan dan keperitan kemiskinan dapat dijelaskan secara serentak oleh Indeks Foster, Greer dan Thorbecke (Fambon dan Baye 2002: 2).

Selain kemiskinan mutlak, kemiskinan relatif iaitu keadaan yang tidak seimbang di kalangan pelbagai kumpulan pendapatan adalah salah satu ukuran. Ianya dianggap sebagai ketaksamaan yang mempunyai hubungan dengan kedudukan relatif suatu kumpulan dengan kumpulan yang lain dari segi pendapatan (Webster 1998: 3). Ketidaksamaan pendapatan antara kumpulan tertentu masyarakat dalam satu keselantaran ketidaksamaan diukur oleh kemiskinan relatif. Perbezaan dalam pendapatan akan menjadi satu garis pemisah dalam membahagikan masyarakat kepada kumpulan kaya dan kumpulan miskin. Mengikut konsep relatif ini, individu atau kumpulan hanya dianggap miskin apabila kedudukan sosioekonominya sungguhpun telah mengatasi tahap kemiskinan mutlak, sebenarnya ketinggalan berbanding dengan individu ataupun kumpulan masyarakat yang lain. Negara-negara yang tidak lagi menghadapi masalah

kemiskinan mutlak biasanya menggunakan kemiskinan relatif untuk mengukur kemiskinan. Kaedah yang digunakan untuk mengukur kemiskinan relatif ini ialah paras pendapatan iaitu peratus yang terendah dalam agihan pendapatan negara (Anand 1983: 113). Bahagian pendapatan dari kumpulan terendah empat puluh peratus telah diguna pakai untuk peratusan oleh negara membangun. Ini bermakna, mereka yang miskin adalah kumpulan yang pendapatan puratanya paling rendah dari segi agihan pendapatan negara.

Amnya, seseorang dikatakan miskin ataupun tidak, tidak dapat dijelaskan dengan tepat melalui maklumat pendapatan. Keadaan ini berlaku apabila individu mempunyai akses kepada pinjaman ataupun menggunakan wang tabungan. Maklumat pendapatan yang diterima semasa ditemu duga oleh penyelidik tidak menggambarkan pendapatannya yang sebenar. Hal ini menunjukkan pergantungan terhadap pendekatan kewangan sahaja tidak mencukupi untuk menganalisis kemiskinan yang dialami oleh sesebuah masyarakat.

Kemiskinan dan Masyarakat Marginal

Marginalisasi yang dihadapi oleh sesuatu golongan dapat menerangkan keadaan kemiskinan khususnya dari aspek penafian atau *deprivation*. Ianya bukan saja menerangkan penafian dari segi kewangan tetapi juga penafian sosial, budaya dan politik (Hann 2001). Sebagai contoh, kajian oleh Nayak (1998), mendapati kaum Harijan dipinggirkan kerana berasal dari kasta Shudra. Mereka bukan sahaja miskin dari segi pendapatan tetapi juga mengalami taraf hidup yang rendah, buta huruf serta miskin harga diri.

Kajian oleh Saavedra (2002) turut memperjelaskan lagi hubungan antara marginalisasi dengan kemiskinan. Kemiskinan yang tinggi di kalangan penduduk peribumi "Quecha" dan "Aymara" di negara Peru adalah disebabkan marginalisasi pekerjaan di sektor swasta. Kadar kemiskinan di kalangan peribumi ini dicatatkan sebanyak 70.0%, berbanding hanya 49.0% bagi keseluruhan Peru. Kemiskinan mereka juga boleh dilihat dari aspek kualiti hidup. Penggunaan bekalan air paip dan bekalan elektrik bagi penduduk peribumi ini hanya sebanyak 45.0% berbanding 80.0% bagi bukan peribumi (Saavedra 2002: 1).

Selanjutnya, kajian oleh Beall (2002) di Afrika Selatan juga menggambarkan keadaan yang sama. Pemerintah kulit putih telah melakukan marginalisasi terhadap penduduk kulit hitam dari aspek ekonomi, sosial, politik, hak kewarganegaraan dan geografi. Hal ini telah menyebabkan penduduk kulit hitam hidup dalam kemiskinan. Afrika Selatan telah menumpukan pembangunan ke atas kawasan penduduk kulit putih dan meminggirkan kawasan penduduk kulit hitam di sebelah selatan. Keadaan ini telah menyebabkan penduduk kulit hitam mengalami kualiti hidup yang jauh lebih rendah serta ketinggalan dalam aspek kehidupan berbanding dengan penduduk kulit putih (Beall 2002: 11).

Hubungan antara marginalisasi dan kemiskinan seterusnya dapat juga di kenal pasti di negara maju. Kajian Jenson (2000) di Kanada mendapati marginalisasi di pasaran buruh terhadap kaum asli dan pendatang luar telah mengakibatkan kemiskinan yang tinggi di kalangan kedua-dua golongan tersebut. Kaum asli telah mencatatkan sebanyak 43.0% kadar kemiskinan manakala pendatang luar 24.0% berbanding hanya 14.0% secara keseluruhannya di Kanada.

Hubungan antara marginalisasi dengan kemiskinan turut digambarkan dalam kajian yang dijalankan oleh Bradshaw et al. (2000). Dari kajian beliau didapati 11.0% daripada penduduk Britain mengalami peminggiran dalam pasaran buruh. Akibat daripada marginalisasi ini sebanyak 53.0% daripada mereka mengalami kemiskinan dari segi pendapatan (Bradshaw *et al.*

2000: 8). Mereka ini adalah dari keluarga bukan kulit putih dan ibu-ibu tunggal sama ada yang bercerai ataupun kematian suami.

Selain daripada kajian-kajian di atas, kajian oleh Loury (2000) di Amerika Syarikat juga menunjukkan hubungan antara marginalisasi dengan kemiskinan. Marginalisasi yang dihadapi oleh penduduk kulit hitam dalam pasaran buruh telah menyebabkan mereka sukar mendapat pekerjaan. Sekiranya diterima bekerja mereka akan dibayar dengan gaji yang lebih rendah bagi pekerjaan yang sama berbanding pekerja kulit putih. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat meningkatkan pendapatan dan membawa kepada masalah kemiskinan.

Kepentingan pendekatan marginalisasi ini ialah ianya dapat menerangkan penyebab sebenar berlakunya kemiskinan. Hasilnya dasar serta tindakan sosial dapat diwujudkan dalam mengatasinya (Sen 2000; King 1999). Sebagai contoh, tidak bekerja menyebabkan pendapatan yang rendah dan merupakan kemiskinan.

Faktor-faktor berlakunya kewujudan pendapatan yang rendah akan ditentukan dengan lebih terperinci dalam analisis pendekatan marginalisasi. Sekiranya seorang individu tidak bekerja dan menerima pendapatan yang rendah disebabkan oleh sikap malas iaitu pengangguran secara sukarela, maka ianya tidak dikira sebagai marginalisasi.

Sebaliknya, sekiranya ianya terjadi disebabkan oleh diskriminasi dalam pasaran buruh maka pendapatan mereka yang rendah itu adalah akibat daripada marginalisasi. Ini bermakna, pendekatan marginalisasi bukan saja dapat menerangkan kemiskinan tetapi dapat menentukan punca sebenar berlakunya kemiskinan. Oleh yang demikian, tindakan-tindakan yang sesuai dapat dilaksanakan bagi mengatasinya. Perbincangan seterusnya beralih kepada faktor-faktor yang menentukan kemiskinan.

Kemiskinan dan Geo-demografi

Kemiskinan juga dikaitkan dengan faktor geografi. Penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar menghadapi masalah kemiskinan yang serius berbanding di kawasan bandar (Lipton 1977: 13) kerana dasar negara yang memberi keutamaan kepada kawasan bandar. Keutamaan tersebut termasuklah pengagihan yang lebih besar kepada kawasan bandar dari aspek pelaburan, tenaga mahir, lokasi sumber dan tanah (Lipton 1977: 3). Dasar yang mengutamakan kawasan bandar atau *urban bias* telah menyebabkan kawasan luar bandar ketinggalan dalam aspek pembangunan dan membawa kepada masalah kemiskinan.

Walaupun sektor pertanian di luar bandar dianggap penting bagi negara membangun tetapi pembangunan industri di kawasan bandar tetap menjadi keutamaan dalam usaha mencapai status negara maju. Keadaan ini berlaku melalui pelaksanaan dasar perlindungan kepada sektor industri di negara tersebut.

Hasil pendapatan yang diperoleh daripada sektor pertanian telah digunakan untuk membangunkan sektor industri. Penduduk di kawasan bandar juga mendapat bahan-bahan mentah dan makanan yang murah daripada sektor pertanian. Dasar *urban bias* ini hanya menguntungkan penduduk kota saja (ESCAP 2001).

Terdapat beberapa kajian yang menjelaskan keadaan kemiskinan yang serius di kawasan luar bandar. Kajian di negara Pakistan mencatatkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar sebanyak 35.9% berbanding 24.2% kawasan bandar (World Bank 2001). Dasar yang kurang memberi keutamaan kepada pembangunan luar bandar telah menyebabkan kadar kemiskinan

yang tinggi. Antaranya termasuklah kekurangan kemudahan pengairan serta kemudahan kredit kepada para petani.

Kajian di negara Cameroon juga menjelaskan keadaan yang sama. Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar dianggarkan sebanyak 82.3% berbanding 45.8% bagi kawasan bandar (Amin 2001: 8). Keadaan tersebut juga berpunca daripada dasar *urban bias*. Produktiviti petani luar bandar menjadi rendah disebabkan investasi yang rendah terhadap infrastruktur dan penyelidikan pertanian. Hal ini seterusnya menjadikan mereka miskin (Amin 2001: 14).

Kajian di Malaysia turut mencatatkan fenomena kemiskinan yang tinggi di kawasan luar kota. Kadar kemiskinan luar bandar yang dianggarkan pada 1999 ialah sebanyak 13.2% berbanding 3.8% bagi kawasan bandar (Malaysia 2001). Kajian-kajian ini menguatkan hujah bahawa faktor yang menyebabkan kemiskinan di kawasan luar bandar antaranya adalah dasar *urban bias*.

Kemiskinan dari Aspek Gender

Dari segi gender, keluarga yang diketuai oleh wanita didapati menghadapi masalah kemiskinan yang lebih serius berbanding ketua isi rumah lelaki. Kajian oleh Quisumbing (1995) di negara Botswana, Ethiopia, Madagasca, Ghana, Bangladesh dan Indonesia telah membuktikan fenomena tersebut (Sila lihat Jadual 2.3).

Jadual 2.3: Kadar Kemiskinan Berdasarkan Gender

Sumber: Quisumbing 1995.

Di negara Russia, Romania, Poland dan Monggolia, kajian yang dilakukan oleh Lampietti dan Stalker (2000) juga mendapati kemiskinan yang lebih serius adalah di kalangan keluarga yang diketuai oleh wanita. Human Development Report 1995 melaporkan kajian oleh UNDP pula menganggarkan daripada 1,300juta penduduk dunia yang miskin pada 1995 sebanyak 70.0% daripadanya adalah wanita. Kadar kemiskinan dalam kajian di Wilayah Orissa, India bagi keluarga yang diketuai oleh wanita adalah sebanyak 32.7% berbanding 12.3% bagi keluarga yang diketuai oleh lelaki. Sebanyak 25.0% daripada keluarga termiskin adalah di kalangan keluarga yang diketuai oleh wanita dalam kajian di Malaysia (Jariah Masud *et al.* 1994). Fenomena kemiskinan yang semakin tinggi di kalangan KIR wanita menjelaskan faktor gender sebagai faktor yang mempengaruhi kemiskinan.

Kemiskinan dari Aspek Tahap Pendidikan

Faktor pendidikan KIR juga turut dikenal pasti mempengaruhi kemiskinan. Bank Dunia pada 1997 telah melakukan kajian di Filipina dan hasilnya kadar kemiskinan di kalangan penduduk yang buta huruf ialah sebanyak 13.8% berbanding 7.8% bagi yang tamat sekolah rendah dan 2.9% bagi sekolah menengah (Philippines Poverty Assessment 2001). Kajian di negara Pakistan pula mendapati sebanyak 42.0% penduduk buta huruf adalah miskin berbanding 21.0% penduduk yang mendapat pendidikan (World Bank 2002). Data-data di Unit Perancang Ekonomi (UPE) dalam Ragayah (2002) juga menjelaskan keadaan yang sama. Kadar kemiskinan dan ketermiskinan di kalangan keluarga dengan KIR yang tidak bersekolah didapati paling tinggi iaitu sebanyak 25.2%. Kajian tersebut juga mendapati semakin tinggi tahap pendidikan KIR, semakin rendah kadar kemiskinan dan ketermiskinan (Sila lihat Jadual 2.4). Peluang untuk mendapat pekerjaan dengan pendapatan yang lebih tinggi adalah terbatas dengan tahap pendidikan yang rendah. Keadaan ini menjelaskan bahawa tahap pendidikan merupakan faktor yang mempengaruhi kemiskinan.

Jadual 2.4: Kadar Kemiskinan di Malaysia Berdasarkan Tahap Pendidikan KIR (1999)

Sumber: Ragayah 2002

Kemiskinan dari Aspek Usia

Kemiskinan juga dikenal pasti dipengaruhi oleh faktor usia KIR. Kadar kemiskinan dan ketermiskinan di kalangan mereka yang berusia melebihi 65 tahun adalah paling tinggi diikuti oleh kumpulan umur kurang daripada 30 tahun (Sila lihat Jadual 2.5). Pada 1999 kadar kemiskinan bagi mereka yang berusia lebih 65 tahun ialah sebanyak 22.7% dan kadar ketermiskinan sebanyak 6.0%. Kadar kemiskinan bagi yang berusia kurang daripada 30 tahun pula ialah sebanyak 9.2% dan kadar ketermiskinan sebanyak 1.7%.

Bagi kumpulan umur melebihi 65 tahun, kadar kemiskinan dan ketermiskinan adalah tinggi kerana mereka tidak lagi produktif untuk bekerja malah terpaksa bergantung kepada orang lain (Ragayah 2002: 26). Bagi yang berusia kurang daripada 30 tahun iaitu kumpulan yang baru tamat persekolahan, yang putus dari persekolahan ataupun lulusan menganggur kadar kemiskinan dicatatkan tinggi. Hal ini kerana mereka belum mendapat pekerjaan ataupun bekerja dengan pendapatan yang rendah.

Jadual 2.5: Kadar Kemiskinan di Malaysia Berdasarkan Kumpulan Usia

Sumber: Ragayah 2002.

Kemiskinan dan Kekeluargaan

Kadar kemiskinan didapati lebih serius di kalangan isi rumah yang besar. Kajian pada 1997 di Filipina oleh Bank Dunia mencatatkan kadar kemiskinan bagi ahli isi rumah melebihi delapan orang adalah paling tinggi iaitu sebanyak 11.8% (Sila lihat Jadual 2.6).

Kajian di Pakistan pada 1999 juga menunjukkan keadaan yang sama. Harga kemiskinan di kalangan isi rumah kecil iaitu satu hingga dua orang adalah sebanyak 5.0% berbanding 14.0% untuk bilangan isi rumah tiga hingga lima orang. Kadar kemiskinan adalah sangat tinggi iaitu 46.0% untuk bilangan isi rumah sebelas hingga lima belas orang. Kadar kemiskinan tertinggi dicatatkan oleh bilangan isi rumah melebihi lima belas orang iaitu 48.0% (World Bank 2002).

Jadual 2.6: Kadar Kemiskinan di Filipina Berdasarkan Bilangan Isi Rumah

Sumber: World Bank 1997

Kadar kemiskinan lebih tinggi di kalangan isi rumah yang lebih besar kerana rasio pergantungannya yang lebih besar berbanding isi rumah yang lebih kecil. Namun begitu, keadaannya berbeza di Malaysia. Kadar kemiskinan tertinggi adalah di kalangan keluarga tanpa anak iaitu sebanyak 12.8% (Sila lihat Jadual 2.7). Kadar kemiskinan bagi keluarga yang lebih besar adalah lebih kecil. Keadaan ini menjelaskan terdapatnya sumbangan pendapatan daripada anak-anak yang bekerja yang tinggal bersama keluarga mereka. Bagi keluarga tanpa anak, kadar kemiskinan tertinggi kerana sebahagian besar daripada mereka masih dalam usia muda. Mereka termasuklah lepasan sekolah ataupun siswazah menganggur yang hidup bersendirian (Ragayah 2002: 29).

Jadual 2.7: Kadar Kemiskinan di Malaysia Berdasarkan Bilangan Anak

Sumber: Ragayah 2002

Kemiskinan dan Sosio-Ekonomi Masyarakat

Tahap sosio-ekonomi adalah antara indicator utama kepada kemiskinan. Di Malaysia, Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional telah menetapkan pendapatan isi rumah bawah RM720 sebagai miskin manakala RM430 adalah kategori miskin tegar.

Jadual 5.1: Pendapatan keluarga berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

Jenis pekerjaan juga merupakan faktor yang mempengaruhi kemiskinan. Kadar kemiskinan dalam kajian di China bagi sektor pertanian pada 1999 dianggarkan sebanyak 24.9% berbanding 0.5% bagi sektor bukan pertanian (Chen & Wang 2001).

Sektor pertanian juga turut mencatatkan fenomena kemiskinan yang tinggi dalam kajian di Malaysia. Kadar kemiskinan sektor pertanian termasuk perhutanan, penternakan dan perikanan yang dianggarkan pada 1999 adalah sebanyak 16.6% (Ragayah 2002: 25). Kadar kemiskinan ini adalah yang paling tinggi berbanding dengan sektor ekonomi yang lain (Sila lihat Jadual 2.8). Kajian-kajian ini menguatkan argumen bahwa jenis pekerjaan sebagai antara faktor yang menyebabkan kemiskinan.

Jadual 2.8: Kadar Kemiskinan di Malaysia Berdasarkan Jenis Pekerjaan (1997 dan 1999).

Sumber: Ragayah 2002

Karl Marx telah mengemukakan faktor eksploitasi pekerja dengan menyalahkan sistem ekonomi kapitalis sebagai penyebab kemiskinan di Eropah sekitar 1840-an (Hunt 1989: 18). Menurut Marx sistem tersebut telah berjaya meningkatkan kekayaan negara tetapi ianya telah menjadikan rakyat yang kaya menjadi lebih kaya manakala yang miskin menjadi semakin miskin (Marx dan Engels 1955).

Pihak yang kaya adalah pengusaha kapitalis yang mengeksploitasi pekerja dengan modal yang dimilikinya. Pihak kapitalis telah merampas lebih nilai pekerja dalam proses pengeluaran barangan menyebabkan berlakunya eksploitasi terhadap pekerja (Marx 1887). Pihak kapitalis selalu mengeksploitasi pekerja dengan cara meningkatkan bahagian untungnya. Hal ini dilakukan dengan memanjangkan masa kerja ataupun membayar pekerja dengan upah yang rendah. Kedua-dua tindakan kapitalis tersebut telah membesarkan rasyo lebih nilai dan menyebabkan eksploitasi terhadap pekerja meningkat (Marx dan Engels 1955: 25).

Kesan daripada tindakan pihak kapitalis ini jugalah menyebabkan golongan pekerja hidup menderita dalam kemiskinan (Marx dan Engel 1955: 27). Sebagai rumusan, Marx menekankan eksploitasi pekerja oleh pihak kapitalis sebagai faktor yang menyebabkan kemiskinan. Penyelidikan ini tidak menganalisis faktor pemerasan lebih dalam pengkajian kemiskinan Orang Asli kerana kemungkinan untuk berlakunya pemerasan adalah kecil di kalangan mereka. Di Malaysia, sebahagian besar Orang Asli adalah bekerja sendiri iaitu sebanyak 74.6% (JHEOA 2000: 30). Selain itu, Akta Pekerjaan akan melindungi mereka yang bekerja dengan kerajaan dan swasta. Ini bermakna, peluang berlaku pemerasan lebih adalah kecil.

Sarjana Barat seperti Nurkse, Rosentein-Rodan dan ahli modenisasi yang lain memperkenalkan kemiskinan yang berpunca dari amalan ekonomi tradisi. Pergantungan kepada sektor pertanian, penggunaan metode serta teknologi pengeluaran yang rendah serta kekurangan

infrastruktur bagi mereka, merupakan punca berlakunya kemiskinan di negara membangun khususnya di Asia, Afrika dan Amerika Latin (Richards 2003).

Bagi menyelesaikan masalah kemiskinan, peningkatan pelaburan khususnya pembinaan infrastruktur dan peningkatan di sektor perindustrian telah menjadi cadangan ahli modenisasi (Inglehart dan Baker 2000). Pendekatan modenisasi tidak dianalisis dalam pengkajian kemiskinan Orang Asli kerana antara masalah utama yang dihadapi adalah dari aspek pemilikan tanah (Hooker 1990; Nik Abdul Rashid 1989; Nik Mohd Zain 1989; Hood 1989).

Segala usaha modenisasi untuk mengurangkan kemiskinan Orang Asli menjadi sia-sia sekiranya masalah pemilikan tanah masih berlanjutan walaupun pelaburan dan teknik pelaburan telah ditingkatkan. Walaupun segala kemudahan moden disediakan namun kebimbangan mengenai ladang yang diusahakan dirampas oleh kerajaan menjadikan masyarakat Orang Asli kurang bersemangat untuk berusaha. Pendekatan modenisasi ini lebih sesuai bagi pengkajian kemiskinan sesebuah negara daripada kemiskinan sesuatu masyarakat seperti Orang Asli.

Kemiskinan dan Stratifikasi Sosial

Kemiskinan juga dikaitkan dengan stratifikasi sosial iaitu kedudukan dan peranan berbeza di kalangan individu yang berlainan strata dalam sesuatu masyarakat. Kumpulan yang menduduki strata ataupun lapisan paling bawah dalam struktur tersebut merupakan golongan yang miskin.

Semakin tinggi kedudukan seseorang itu dalam sesebuah masyarakat semakin banyak pendapatan yang diperoleh berbanding dengan individu yang lain. Semakin tinggi kedudukannya bermakna semakin tinggi tahap status sosialnya. Walau bagaimanapun, dalam mana-mana keadaan masyarakat sekalipun, golongan miskin adalah kumpulan yang menduduki strata ataupun susun lapis yang paling rendah dalam struktur perannya dalam masyarakat.

Sebagai rumusan, peranan serta kedudukan seseorang dalam masyarakat akan menentukan status serta ganjaran yang akan diperolehinya. Ganjaran yang lebih banyak akan diterima oleh mereka yang mempunyai peranan dan kedudukan yang lebih tinggi. Dengan itu, terbentuklah pembahagian masyarakat kepada “kaya” dan “miskin” (Tumin 1985).

Sejauh ini tidak terdapat kajian kemiskinan Orang Asli yang berasaskan stratifikasi sosial. Hal ini kerana keadaan masyarakat Orang Asli yang tidak mempunyai susun lapis yang jelas yang menyebabkan pendekatan ini tidak sesuai digunakan. Kemiskinan yang berlaku meliputi kesemua pihak, malah termasuk Tok Batin sendiri (Temu obrolan dengan Pengarah Bahagian Penyelidikan Orang Asli Negeri Perak). Oleh itu, faktor stratifikasi juga tidak dianalisis dalam penyelidikan ini.

Berdasarkan kajian Oscar Lewis pada 1959 terhadap lima keluarga miskin yang berhijrah dari desa ke bandar Mexico City, telah mewujudkan konsep budaya miskin. Hasil kajian tersebut telah diterbitkan dalam bukunya yang bertajuk “Five Families: Mexican Case Studies in the Culture of Poverty”.

Konsep budaya miskin ini mengengahkan persoalan kemiskinan dari perspektif nilai-nilai budaya masyarakat miskin itu. Rasa rendah diri yang tinggi, marginal dan sifat pergantungan yang kuat adalah nilai budaya yang dimiliki oleh golongan miskin (Hanson 1997). Keadaan ini juga menyebabkan mereka tidak bersungguh-sungguh dalam pekerjaan. Selain itu, mereka juga dikatakan suka berjudi, mabuk dan boros (Laderchi 2000: 7).

Pendekatan yang menyalahkan sikap dan budaya Orang Asli sebagai penyebab kemiskinan tidak dianalisis dalam penyelidikan ini kerana pendekatan tersebut kurang sesuai digunakan pada masa kini. Pendekatan ini telah dikritik hebat oleh Syed Hussien Al Atas (1983) dalam bukunya “Mitos Peribumi Malas” sebagai penipuan besar pihak kolonial. Pihak kerajaan akan terlepas daripada tanggungjawab untuk membantu masyarakat Orang Asli sekiranya pendekatan yang pesimis ini diterima.

Pendekatan seperti ini pernah digunakan oleh penjajah British terhadap orang Melayu dengan melabelkan mereka sebagai pemalas dan menjadikan mereka miskin. Namun sejarah telah membuktikan melalui bantuan kerajaan yang bersungguh-sungguh kehidupan orang Melayu telah menjadi semakin maju. Bantuan dan usaha yang sama seharusnya dilakukan oleh kerajaan terhadap masyarakat Orang Asli.

BAB 3

ISU DAN PERMASALAHAN MASYARAKAT MARGINAL

Permasalahan Masyarakat Marginal Di Bandar

Menurut Abdul Rahman (2011), kira-kira 70% penduduk di Malaysia tinggal di bandar dan proses pembentukan bandar-bandar baru masih terus berlaku. Kewujudan bandar-bandar baru dapat memperlihatkan kemajuan negara kerana pembangunan bandar baru secara tidak langsung menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan sosial negara. Umum mengetahui projek pembangunan infrastruktur yang berskala besar seperti dalam sektor pengangkutan, sumber tenaga mahupun pengairan mampu memberi faedah kepada negara. Namun kesan sampingan negatif yang wujud terutamanya terhadap anggota masyarakat kelas pertengahan dan bawahan tidak dapat dinafikan. Mereka terpaksa menghadapi cabaran dan dilema dalam menyesuaikan diri untuk menjalani hidup di bandar. Bagi yang tidak mampu bersaing dan bermandiri akan melalui marginalisasi komuniti.

Marginalisasi komuniti di bandar banyak berkait dengan soal kemiskinan hidup yang terpaksa dihadapi apabila tinggal di bandar. Banyak kajian berkaitan kemiskinan bandar yang menunjukkan kemiskinan yang dihadapi adalah dalam pelbagai faktor. Antaranya disebabkan tidak mampu bertahan dan mengarungi tantangan kehidupan untuk '*survival*' di bandar telah secara tidak langsung menjadikan mereka marginal dengan arus urbanisasi (Wan Nor Azriyanti *et.al.*, 2011; Akhtar Sahari, 2011; MA Syuhada, I., 2011; Hamizul, A.H., 2011; Normala, M.S., 2011; Nasri *et.al.*, 2011; Selvi Narayanan & Katiman Rostam, 2012; Mohd Fadzil A. R. & Ishak A.G.). Pelbagai kepayahan timbul akibat kemiskinan termasuklah akses kepada peluang pendidikan, pekerjaan, kemudahan sosial, lingkungan dan persekitaran tempat kediaman. Seseorang itu beranggapan mereka diketepikan daripada proses membuat keputusan dalam masyarakatnya sendiri apabila miskin. Selain itu, mereka juga akan didiskriminasi daripada masyarakat, hilang rasa kesepunyaan kepada masyarakat dan menjurus kepada terjebak dalam kejahatan kota (UN-HABITAT, 2003).

Walaupun uang bukanlah segala-galanya, tetapi segala-galanya memerlukan wang dalam usaha bermandiri dan meneruskan kehidupan di bandar. Bagi meneruskan kelangsungan hidup di bandar seseorang itu perlu menghasilkan ekonomi dengan menceburkan diri dalam bidang pekerjaan di awal usia dan tidak meneruskan pendidikan lanjutan. Golongan miskin tetap marginal daripada menikmati peluang pekerjaan di bandar yang sangat luas. Hal ini demikian kerana kekurangan kemahiran diri, masalah pengangkutan dan kemudahan penjagaan anak-anak, serta isu sosial. Isu sosial tersebut seperti kurangnya perhubungan sosial, stigma kerana tinggal di kawasan yang dikaitkan dengan kemiskinan seperti kawasan setinggan atau kawasan

perumahan kos rendah, dan terdapatnya amalan budaya yang tidak menggalakkan kaum wanita untuk melibatkan diri dalam sektor pekerjaan formal.

Di Bandar, masyarakat marginal terdiri daripada wanita, Orang Kelainan Upaya (OKU), remaja yang tercicir daripada sekolah, orang jalanan atau gelandangan, orang setinggalan dan orang yang marginal secara sosial. Menurut Nuridah, Rohana & Aede (2012), masyarakat marginal adalah kaum wanita, individu berkeperluan khas atau OKU, remaja tercicir dari alam persekolahan, populasi orang yang tinggal jauh di kawasan pedalaman, orang asli dan gelandangan. Manakala bagi Wakidah (2011) pula adalah melibatkan orang jalanan, OKU, kaum wanita, kanak-kanak dan orang tua. Dalam kajiannya, beliau turut bersetuju dengan Balshah (1996), yang menyatakan bahawa masyarakat marginal terdiri daripada *The Marginal* iaitu kaum wanita dan mereka yang bekerja di sektor tak formal; *The Forgotten* iaitu mereka yang uzur dan kurang upaya atau OKU; *The Silent* iaitu kanak-kanak dan; *The Undesirable people* iaitu gelandangan.

Gelandangan

Isu sosial mengenai gelandangan ini telah dibangkitkan di peringkat nasional dan antarabangsa. Masalah ini bukan saja berlaku di Malaysia bahkan negara maju seperti Amerika Syarikat (Peter Gillbert, 2003) dan negara dunia ketiga seperti Indonesia (Arif Rohman, 2011) turut menghadapi kemelut tersebut.

Gelandangan adalah seseorang yang hidup dalam keadaan bertentangan norma kehidupan yang sepatutnya di dalam masyarakat. Mereka juga tidak mempunyai mata pencarian atau pekerjaan dan tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap (Asrul Nurudin, 2013). Istilah gelandangan merujuk kepada orang atau komuniti bandar yang berasal dari kampung dan mencuba nasib mencari rezeki di bandar. Namun disebabkan tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi, kurang kemahiran dan tidak mempunyai modal untuk berniaga, telah menjadikan mereka pengemis atau mempunyai pekerjaan yang tidak tetap dalam sektor tidak formal seperti pemuzik jalanan, penjaja, penjual surat khabar atau tukang cuci piring (Arif Rohman, 2011). Biasanya orang yang bergelandangan juga dikatakan sebagai mereka yang tidak berumah (*homeless*). Mereka boleh menjadikan tempat seperti di bawah pokok, tangga, depan premis yang telah ditutup, bangunan usang atau projek terbengkalai, jejantas atau jambatan sebagai tempat tidur. Program Sahur di Jalanan telah dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Tujuan Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu diadakan adalah untuk memberi juadah sahur kepada mereka yang tinggal bergelandangan di sekitar Jejambat Jalan Sultan Sulaiman, Jejambat Jalan Kinabalu, Jejambat Jalan Tun Sambanthan, Jejambat Leboh Pasar Besar dan Jejambat Jalan Tun Perak (Noor Eszereen Juferi, 2013).

Gelandangan dikategorikan sebagai orang miskin di bandar yang sering menjadi mangsa diskriminasi dan stigma negatif masyarakat normal. Mereka seterusnya semakin jauh daripada perkembangan sosial masyarakat normal dan akhirnya marginal daripada menikmati sebarang kemudahan hidup di bandar. Orang gelandangan menurut (Arif Rohman, 2011), biasanya juga berasal dari kampung. Mereka terkapai-kepali menjalani hidup di perantauan lantaran tidak berjaya mengadu nasib di bandar dan malu untuk kembali ke kampung halaman. Mereka hidup di kawasan limbah atau pinggir lorong tidak selamat (*slum/ scatter area*) yang dianggap murah dan kadang-kadangnya percuma. Hal ini kerana mereka tidak perlu membayar kepada tuan tanah atau pihak berkuasa yang tidak menyedari kewujudan mereka disebabkan mereka kadang-kadang

hanya singgah untuk tidur. Orang gelandangan juga kadang-kadang merupakan pendatang asing tanpa izin. Mereka tinggal bergelandangan kerana takut dikembalikan ke tempat asal.

Selain itu, orang yang bergelandangan juga merupakan mereka yang lari dari rumah dan tidak mempunyai arah tuju. Masalah sosial yang lebih kronis kadang-kadang berlaku apabila berlakunya perkahwinan tidak sah (*living together out of wedlock*) sesama orang gelandangan yang mana menghasilkan “anak tak sah taraf” atau generasi yang keturunannya tidak jelas. Biasanya anak itu sukar mendapat surat beranak dan hidup terbiar tanpa mengetahui susur galur keturunannya. Selain itu, status kerakyatannya juga tidak diakui dan seterusnya tidak mampu mengikuti pendidikan formal. Perkara ini akhirnya mendorong mereka menjadi anak jalanan yang mudah terpengaruh dengan anasir negatif seperti jenayah untuk meneruskan hidup.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan wujudnya orang gelandangan yang marginal daripada arus modernitas kota. Faktor tersebut mungkin bersifat dalaman dan luaran. Faktor dalaman boleh dikonsultasikan sebagai faktor yang datang dari diri individu itu sendiri seperti masalah kemiskinan, umur yang sangat lanjut, taraf pendidikan yang rendah dan masalah psikologi yang tidak ingin merubah nasib hidup dengan berusaha bersungguh-sungguh serta mendekati diri kepada ajaran agama. Faktor luaran pula merujuk kepada persekitaran sosial dan budaya yang tidak membantu mereka untuk merubah nasib hidup. Perkembangan ekonomi dan pendidikan yang pesat meningkatkan biaya hidup, serta kedudukan geografi sesuatu kawasan menyukarkan gelandangan tersebut untuk keluar dari kelompok kesusahannya dan semakin marginal.

Tambahkan Case Indonesia

Setinggalan (Slum)

Perkataan “setinggalan” dikatakan berasal daripada istilah Inggeris “*sten-gun*” menurut Yogi Suprayogi Sugandi (2009), hasil kajian Zakiyah Jamaludin (1995). Mereka mengatakan penggunaan senjata “*sten-gun*” telah menerbitkan perkataan “setinggalan”, di mana terdapat beberapa orang penduduk yang menggunakan senapang bagi melindungi kampung mereka apabila Kerajaan Inggeris mengarahkan sepasukan anggota untuk menghapuskan rumah-rumah haram di kampung tersebut pada masa itu.

Malaysia telah menegaskan bahawa kegiatan persetinggalan adalah melanggar undang-undang. Mereka yang mewujudkan kawasan setinggalan akan dihukum dan bangunannya akan dirobohkan. Kerajaan telah menasihatkan rakyat supaya tidak sewenang-wenangnya melakukan penerokaan atau pembinaan struktur tanpa izin di atas tanah milik kerajaan, syarikat, tanah persendirian untuk dijadikan situs kediaman, perniagaan, pertanian atau bermaksud menjalankan kegiatan jenayah, khasnya di dalam kawasan bandar (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2004).

Menurut Yogi Suprayogi Sugandi (2009), mengikut Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1969 (Ordinan 1 dan Ordinan 2) Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setinggalan-setinggalan) 1969, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 1969 telah mendefinisikan setinggalan sebagai:

Apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, sengkup, tempat perteduhan, kurongan beratap atau apa-apa sumbangan atau binaan yang bercantum kepada sesuatu bangunan atau binaan lain yang dibuat daripada apa-apa jua bahan dan sama ada digunakan sebagai tempat kediaman manusia atau selainnya yang telah dibina atau yang sedang dalam

binaan mengikut apa-apa cara melainkan mengikut pelan yang diluluskan oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan dan yang terletak atas mana-mana tanah.

Beliau menambah bahawa penduduk setinggan pula merujuk kepada orang-orang yang sebenarnya menduduki tanah, bangunan yang berkenaan, orang yang menjaga, mengurus atau mengawal premis itu sama ada untuknya ataupun sebagai agen bagi orang lain. Rumah setinggan pula disebut sebagai rumah haram atau rumah tanpa izin atau rumah kilat yang dibangunkan atas tanah kosong milik kerajaan atau persendirian. Tanah-tanah ini terdapat di tengah-tengah bandar atau pinggir bandar, rizab sungai atau jalan atau keretapi, kawasan pantai (atas pantai) dan bekas lombong tanpa kebenaran.

Kawasan petempatan setinggan adalah tidak sah. Corak sosio-budaya, ekonomi, politik dan persekitaran fisik serta sosialnya mempunyai kepelbagaian (*heterogeneous*). Biasanya terdapat ciri-ciri negatif seperti sesak, tahap kesihatan rendah, penularan wabak penyakit, tiada bekalan elektrik dan air bersih atau terawat, masalah perparitan dan pembentungan, wujudnya jenayah, penyalahgunaan narkotika dan kenakalan. Menteri Besar Selangor ketika itu iaitu Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo mengatakan bahawa mereka yang tinggal di kawasan setinggan mempunyai implikasi seperti dibelenggu kehidupan daif, marginal, kotor, busuk, banjir dan sarat dengan masalah penularan gejala sosial seperti narkotika, aktiviti jenayah dan gengsterism (Sinar Harian, 2008).

Menurut Mohamed Ismail (2005), setinggan warga tempatan dan rakyat asing telah menimbulkan masalah yang rumit kepada kerajaan. Hal ini kerana kawasan tersebut telah mewujudkan kesesakan penghuni, masalah sosial, kemiskinan, keburukan estetik alam sekitar dengan bangunan berselerak serta kekurangan kemudahan infrastruktur dan sebagainya di kawasan setinggan dan sekitarnya. Penduduk luar bandar dan warga asing telah berhijrah ke bandar disebabkan perkembangan pesat perindustrian di pusat bandar dan aktiviti ekonomi lain yang boleh menjana pendapatan. Kebanjiran mereka malangnya menyebabkan sektor perumahan tidak mampu menampung kapasiti penduduk. Perkara ini telah membawa kepada kewujudan setinggan sebagai alternatif apatah lagi mereka tidak perlu membayar untuk mendapatkan tempat tinggal.

Menurut Hanis Musalman Salehan (2007), penduduk setinggan mengakui bahawa mereka sebenarnya telah melanggar undang-undang negara, tetapi atas desakan hidup dan kemiskinan mereka meneruskan kehidupan di tanah milik kerajaan. Setinggan juga berkait dengan kemiskinan hidup bandar. Ini disebabkan Malaysia mengukur paras kemiskinan melalui pendekatan Kadar Isi Rumah (*Household Approach*). Pendekatan Kadar Isi Rumah mengukur kadar isi rumah satu atau lebih keluarga seperti terdapatnya pendapatan keluarga atau kewujudan tandas selesa dalam sesebuah rumah. Rata-rata mereka yang tinggal di kawasan setinggan adalah mereka yang hidup “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”.

Kemiskinan menyebabkan mereka tidak mampu mengikut arus urbanisasi apatah lagi untuk memiliki rumah sendiri. Menerusi projek rumah kos rendah di bawah Dasar Penswastaan, kerajaan telah menyediakan rumah untuk orang setinggan namun masalah struktur rumah menyebabkan mereka tidak mahu berpindah ke rumah bermasalah tersebut. Maka, wujudlah setinggan yang menjadi masyarakat yang marginal dengan arus kemodenan bandar. Golongan setinggan yang ditolak hak sosial daripada kerajaan akan mewujudkan kelompok yang berasingan daripada keseluruhan penduduk yang seterusnya marginal daripada mendapat peluang-peluang ekonomi yang wujud di sesuatu kawasan. Menurut Hilmi (2013):

Terdapat hampir seribu orang Islam yang menetap di kawasan setinggalan di Kampung Karamunting Laut yang terletak dalam Parlimen Batu Sapi dan hanyalah berjarak 9 km dari kepesatan Pekan Sandakan, Sabah. Kelemahan sistem dokumentasi dan desakan kemiskinan telah menyebabkan sebahagian mereka tidak mempunyai kartu pengenalan, tiada sertifikat kahwin dan yang menjadi mangsa adalah anak-anak kecil yang gagal mendapat surat beranak. Implikasinya adalah sangat besariaitu sebahagian besar anak-anak di situ gagal mengikuti sistem persekolahan yang menjadi hak asasi seorang warganegara. Setinggalan kayu itu hanya dibina di atas pesisir laut Sulu, menanti roboh jika diserang ombak kuat. Sebahagian lantai laluan jalan kaki sudah reput dan hanya menanti mangsa yang terjerlus jatuh di dalam laut. Apabila air pasang, air laut akan melimpah hampir mencecah lantai dan lambakan sampah bertebaran. Kemiskinan sangat di luar jangkauan. Elektrik disalurkan melalui wayar *extension* yang bersambung-sambung kerana hanya terdapat satu sambungan sumber elektrik. Sistem saluran air bersih sangat teruk dan sisa kumbahan hanya jatuh ke dalam laut. Penduduk sudah kebal dengan bau busuk dan sampah yang melimpah. Satu perkara paling merisaukan ialah kawasan setinggalan itu terletak hanya beberapa meter bersebelahan dengan depot tangki minyak Petron yang dipisahkan dengan selapis pagar zink. Andai berlaku sesuatu yang tidak diinginkan di depot minyak itu, penduduk tiada pilihan lain melainkan terjun ke laut. Hal ini kerana laluan utama ke sana sangat sempit dan hanya dipisahkan dengan pagar zink dan tebing laut.

Marginalisasi Sosial

Selepas Malaysia merdeka, ia mewarisi gaya hidup tinggalan penjajah yang memisahkan kaum-kaum untuk memudahkan pentadbirannya. Keadaan sosio-ekonomi kaum telah ditetapkan dengan aktiviti ekonomi tertentu di sesuatu kawasan. Misalnya kaum Cina di bandar, Melayu di kampung-kampung, dan India di perkebunan-perkebunan. Keadaan ini mengakibatkan jurang perbezaan yang ketara antara kaum sehingga tercetusnya peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969. Ini juga merupakan salah satu kesan marginalisasi sosial yang berlaku terhadap golongan miskin yang kebanyakannya dari golongan Bumiputera. Ia merupakan manifestasi masyarakat bumiputera yang merasa dipinggirkan dalam sektor sosio-ekonomi rentetan daripada sentimen yang wujud sebelum merdeka. Mereka tidak diberi peluang untuk merebut peluang-peluang ekonomi yang ada menyebabkan marginalisasi sosial terus wujud. Menurut Mohd. Razali Agus & Fashbir Noor Sidin, (t.th):

Marginalisasi sosial dalam kalangan keluarga Melayu termiskin berlaku apabila sebilangan daripada para penghijrah luar bandar yang miskin mula menetap di kawasan bandar. Mereka ini terus marginal tanpa menerima sebarang bentuk maklumat dan bentuk bantuan yang bakal diterima. Mereka bukan sahaja marginal daripada sebarang bentuk bantuan dari mana-mana pihak bahkan turut marginal dalam sistem sosial dan ekonomi bandar terutamanya dalam bidang perkerjaan.

Marginalisasi sosial mencakupi pelbagai aspek seperti tempat tinggal, peluang pendidikan atau pekerjaan, kemudahan kesihatan, mobiliti seperti perkhidmatan komunikasi atau kewangan, penyertaan dalam politik atau sukarelawan dan olahraga, rekreasi serta masa senggang. Marginalisasi sosial adalah satu proses dinamik yang didorong oleh perwakilan kuasa yang tidak saksama merentasi empat dimensi iaitu ekonomi, politik, sosial dan budaya (P. Jeannie et.al, 2008). Marginalisasi sosial merujuk kepada ketidakmampuan untuk menyertai atau menikmati pelbagai aspek sosial kehidupan yang lebih baik dalam sesebuah masyarakat. Mereka

marginal daripada mendapat hak sosial yang disediakan kerajaan seperti keperluan asas, kemudahan perubatan dan tempat ibadat yang selesa walaupun pada tahap yang minimum.

Rumah pangsa Taman Permata di Dengkil telah ditetapkan sebagai rumah pangsa untuk dijadikan petempatan baru bagi memindahkan penduduk ladang yang terlibat dengan pembangunan bandar baru Putrajaya oleh Putrajaya Holdings (PJH) melalui Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Kesemua penghuni rumah pangsa Taman Permata berasal dari ladang Prang Besar, Ladang Sedgeley, Madingley dan Galloway. Pada tahun 1998, mereka dipindahkan ke rumah pangsa ini selepas tanah ladang tempat mereka tinggal dan bekerja diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembangunan Putrajaya. Kesemua keluarga yang terlibat ditempatkan di rumah pangsa kos rendah dengan sedikit pampasan yang diberikan oleh pemilik ladang. Sejak itu, penduduk mengalami proses marginalisasi atau marginalisasi akibat tertekan dan menghadapi pelbagai masalah dan risiko di tempat kediaman baharu (Selvi Narayanan & Katiman, R., 2012).

Menurut penduduk Taman Permata, mereka seolah-olah dipinggirkan dari arus pembangunan dan kebajikan mereka tidak dipedulikan. Rata-rata penduduk tidak berpuas hati dengan keadaan tempat tinggal baru dan persekitaran rumah pangsa Taman Permata yang tidak terurus. Banyak kemudahan awam telah rosak dan tidak diperbaiki. Sejak mereka mula tinggal di rumah pangsa ini, terlalu banyak kesengsaraan yang dihadapi yang rata-rata tidak berpendidikan tinggi. Menurut hasil temubual Selvi Narayanan & Katiman, R., (2012) dengan En. Ramadas (2011), aduan mengenainya telah banyak dibuat kepada pelbagai pihak berkaitan namun tiada tindakan diambil oleh mana-mana pihak.

Penduduk Taman Permata berasa tertekan dan marginal kerana terpaksa mengalami pelbagai kepayahan. Antaranya termasuklah dari segi akses kepada peluang pekerjaan, kemudahan sosial, kejuruan dan persekitaran tempat kediaman. Impak sosial pembangunan bandar baru Putrajaya dalam aspek pendidikan terhadap penduduk ialah ketersampaian yang rendah kepada kemudahan pendidikan. Pendidikan merupakan satu aspek yang sangat penting dan ianya perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Menurut hasil temubual Selvi Narayanan & Katiman, R., (2012) dengan En. Armugam, (2011), memang terdapat sekolah rendah Tamil kerajaan dan sekolah kebangsaan di pekan Dengkil. Namun, sekolah Tamil tersebut terletak kira-kira dua kilometer dari rumah pangsa kediaman mereka.. Ini menyulitkan keadaan dan agak berbahaya kepada para pelajar yang terpaksa melalui kawasan yang tidak mempunyai lampu jalan dan jalan yang rosak teruk untuk ke sekolah. Anak-anak mereka yang bersekolah perlu dihantar dan diambil setiap hari bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diingini.

Sesetengah ibubapa pelajar pula perlu menyewa bas sekolah bagi menghantar anak-anak mereka ke sekolah, tidak kira sekolah Tamil mahupun sekolah kebangsaan. Layanan bis sekolah perlu dimasukkan dalam perbelanjaan oleh ibu bapak yaitu bagi seorang tambang sebulan adalah agak mahal dalam RM40. Perkara ini tidak berlaku semasa mereka tinggal di tempat lama. Hal ini kerana sekolah Tamil didirikan dalam kawasan ladang itu sendiri. Manakala bagi mereka yang belajar di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah, pemilik ladang akan menyediakan perkhidmatan bas sekolah dengan bayaran tambang yang diberikan subsidi pada kadar yang agak rendah berbanding sekarang. Tambang tersebut dipotong oleh majikan daripada pendapatan atau gaji bulanan mereka. Bagi keluarga yang tidak mampu membayar tambang bas sekolah, anak-anak mereka terpaksa berjalan kaki ke sekolah. Perkara ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk dengan tahap keselamatan jalan untuk ke sekolah yang jauhnya kira-kira dua kilometer.

Menurut hasil temubual Selvi Narayanan & Katiman, R., (2012) dengan Munusamy (bukan nama sebenar) kes ragut, peras ugut, pencabulan sering berlaku malah pernah dilaporkan kes penculikan. Kawasan laluan yang sunyi, tiadalampu jalan dan jalan yang sempit dan rosakkan mengundang pelbagai risiko keselamatan. Menurut kebanyakan penghuni rumah pangsa itu, mereka sentiasa dihantui perasaan takut dan risau sehinggalah anak-anak mereka tiba di rumah dengan selamat. Beban tambang yang terpaksa ditanggung oleh ibubapa kini agak tinggi berbanding dengan keadaan di tempat asal. Mereka tidak lagi menerima bantuan atau subsidi. Malah tambang perlu dibayar secara tunai pada setiap minggu pertama setiap bulan. Sekiranya gagal membayar, pemandu bas tidak akan mengambil anak-anak mereka lagi. Ini merupakan satu tekanan dan beban kepada penduduk. Jarak kemudahan pendidikan yang relatif jauh dengan pendapatan mereka yang rendah dan tidak menentu serta menyukarkan menyebabkan ketersampaian anak-anak kepada kemudahan tersebut kini bertambah rendah. Ini memungkinkan mereka menghadapi risiko keciciran dalam pendidikan. (komunikasi dengan Pn.Rajes, 2011 dengan hasil temubual Selvi Narayanan & Katiman, R., 2012).

Permasalahan Masyarakat Marginal Di Luar Bandar

Masalah utama yang dihadapi oleh sektor pendidikan di kawasan luar bandar terutamanya di sekolah- sekolah adalah lemah dan kurang cekap. Kaedah pembelajaran dan pengajaran yang kurang berkesan dan kekurangan motivasi tenaga pengajar untuk membangunkan sistem pendidikan akibat pelbagai faktor terutamanya faktor persekitaran yang tidak kondusif telah menyebabkan masalah keciciran murid. Apatah lagi ditambah pula dengan kelemahan pengurusan dan kekurangan dorongan seperti kelemahan dalam memberi arahan, pengorganisasian dan melaksanakan program-program. Selain faktor kewangan yang terhad, kaedah lama yang sudah tidak berfungsi dan maklumbalas yang sedikit menyebabkan kurangnya inovasi dan transformasi ke arah penambahbaikan .

Faktor penghad yang menyebabkan pendidikan masih di tahap yang rendah di luar bandar adalah kerana sistem pendidikan itu sendiri tidak dapat memenuhi kehendak masyarakat. Terdapat lebih daripada 70% kanak-kanak di luar bandar belajar di sekolah desa. Lebih 80% daripada kanak-kanak tersebut memanfaatkan hidup sebagai petani atau buruh tidak mahir. Kebiasaannya mereka diajar untuk menghafal dan memahami sedikit kemahiran asas dan bahasa asing yang utama sahaja. Ini menyebabkan penekanan teknik berfikir dan penyelesaian masalah dalam kalangan kanak-kanak di luar bandar adalah rendah. Tambahan pula, masalah kewangan mengakibatkan pelajar di luar bandar akan bekerja awal dan kurang memberi penekanan untuk melanjutkan pelajaran.

Skenario pendidikan sekarang masih menunjukkan perbezaan ketara antara sekolah di luar bandar dan bandar, terutamanya dari segi kemudahan prasarana asas. Terdapat 300 buah sekolah di luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan air bersih. Selain itu, kadar ketersampaian murid-murid ke sekolah adalah rendah dan menjadi satu masalah untuk ke sekolah kerana jarak rumah yang jauh untuk ke sekolah. Bagi murid yang menghadapi masalah tersebut, mereka terpaksa bangun lebih awal untuk membuat persiapan dan berebut peluang menunggu bas-bas untuk pergi ke sekolah.

Selain itu, pendidikan kesihatan di luar bandar terutamanya dalam kalangan perempuan dan kanak-kanak masih rendah. Masalah diet tidak seimbang, kurang kebersihan, kadar kehamilan dan kelahiran yang terlalu kerap telah menyebabkan pelbagai penyakit seperti cacing kerawit (*hookworm*) atau malaria dan taun dalam kalangan penduduk pedalaman Dalam

kalangan wanita, kanak-kanak dan juga orang dewasa sering kali berlaku masalah kurang darah atau anaemia khususnya mereka yang tinggal di luar bandar.

Kadar kejadian anaemia dalam kalangan wanita hamil di kawasan luar bandar adalah dalam lingkungan 60 peratus. Berkemungkinan kadar ini akan meningkat lagi dalam kalangan wanita yang tinggal di kawasan pedalaman yang sosio ekonominya rendah. Kesan yang timbul kepada wanita yang sedang hamil dan melahirkan anak adalah boleh menjadi punca penyebab kematian ibu. Antara punca penyebab anaemia adalah merupakan gizi atau diet yang tidak seimbang. Kekurangan kandungan zat vitamin dan zat logam khususnya besi berpunca daripada pemakanan tidak seimbang. Masalah ini juga berlaku kerana kehamilan dan kelahiran yang terlalu kerap dan tidak disusun dengan betul.

Masalah-masalah di atas merupakan antara punca perbezaan yang besar dalam kalangan murid-murid yang mendapat pendidikan di bandar dan luar bandar. Antara lain, masalah persekitaran sekolah tidak kondusif, kurikulum sekolah tidak memenuhi keperluan masyarakat setempat yang lebih kepada kemahiran dan psikomotor serta kurang kemudahan asas. Kemudahan asas tersebut seperti pengangkutan untuk ke sekolah yang jauh daripada tempat tinggal, masalah bekalan air bersih, elektrik dan komunikasi seperti telefon apatah lagi internet. Kesedaran penjagaan kesihatan juga sangat kurang kerana kurangnya pendedahan melalui pendidikan kesihatan. Kesemua masalah ini menyebabkan komuniti masyarakat tersebut menjadi marginal dengan arus kemodenan negara. Istilah teknologi untuk kehidupan masih jauh apatah lagi konsep teknologi hijau dan mampan bagi melestarikan hidup yang diselubungi kehijauan alam tidak dapat memberi makna untuk bermandiri di luar kota.

Marginalisasi komuniti di kawasan luar bandar boleh difahami sebagai sesuatu kemudahan ataupun kesenangan yang sepatutnya menjadi hak yang patut dinikmati tetapi tidak diperolehi oleh masyarakat luar bandar di sesuatu kawasan dan hanya diperolehi oleh masyarakat lain di bandar. Sebagai contoh, masyarakat di bandar menerima kemudahan pembelajaran yang lebih lengkap seperti alat radas makmal sains, komputer, LCD projektor dan sebagainya. Manakala sebaliknya berlaku kepada penduduk kawasan luar bandar.

Hal ini dapat dilihat daripada pelbagai aspek dan boleh dinilai oleh mata kasar. Namun, hanya aspek berkaitan pendidikan dibincangkan di sini. Kawasan selain daripada kawasan bandar merupakan kawasan luar bandar menurut Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Ia merupakan petempatan yang meliputi semua jenis kampung dan penempatan kecil yang kurang daripada 10,000 orang penduduk dan bercirikan kawasan pertanian serta kawasan sumber alam semulajadi.

Penduduk Luar Bandar

Tidak semua penduduk kampung di kawasan luar bandar dapat pergi ke pusat bandar atau pekan untuk menyelesaikan urusan kerana faktor jarak serta beberapa masalah lain termasuk pengangkutan. Kajian T.Subahan M.Meerah dan rakan-rakan (2006), telah mendapati bahawa 80% keluarga di kawasan pedalaman hidup di bawah paras kemiskinan dengan bertani, menjadi nelayan dan menjalankan aktiviti hutan sebagai sumber utama pendapatan mereka. Jarak dengan sekolah, kemiskinan, dan kekurangan motivasi telah menyebabkan sebilangan besar (30%-40%) daripada kanak-kanak tercicir dari sistem persekolahan seawal usia 13 tahun. Bahkan, seperti biasa apabila membincangkan soal masyarakat marginal, mereka ini seringkali terbelenggu dalam arus kemiskinan. Menurut William M. Abrams (2013):

.... Mereka sukar sekali untuk dicapai. 80% daripada golongan termiskin tinggal di ceruk kawasan pedalaman di negara-negara membangun. Mereka hanya dapat ditemui setelah memandu jauh dan perjalanan panjang yang bermula dengan lebuh raya empat lorong kemudian beralih kepada dua lorong, beralih kepada satu lorong, kemudian laluan berbatu dan kemudian laluan berdebu. Pada penghujung laluan, muka yang akan sentiasa mengalu-alukan anda selalunya adalah wanita. 80% daripada golongan termiskin adalah wanita dan kebanyakannya adalah ibu. Berkemungkinan besar juga wanita tersebut adalah Orang Asli atau datang daripada etnik yang minoritis. Dalam kebanyakan kes, wanita tersebut juga mempunyai kecacatan atau kurang upaya. Terpaksa berhadapan dengan warisan hidup yang kekal tanpa akses kepada pendidikan dan menghadapi ancaman penyakit secara tiba-tiba tanpa rawatan. Terpaksa menghadapi marginalisasi daripada ikatan sosial masyarakat dan peluang ekonomi di pasaran tempatan. Hidup sekadar cukup makan, kadang-kala wanita tersebut dan keluarganya sering tidak cukup makanan untuk dimakan. Kelaparan seringkali menghantui sehinggalah kepada maruah diri, berkemungkinan hanya periuk kosong yang dipanaskan di atas api di hadapan rumah bagi menyembunyikan kelaparan daripada jiran-jiran...

Kawasan luar bandar seperti ceruk kampung selalu marginal daripada pelbagai aspek apatah lagi seolah-olah tidak mampu bersaing dengan kawasan bandar yang jauh lebih maju dan moden. Kesan penghijrahan anak muda kampung ke bandar meninggalkan warga tua telah menjadikan kawasan kampung semakin kecil bilangan penghuninya, dipinggirkan dan berkemungkinan melenyapkan kampung tersebut secara perlahan-lahan. Tidak dinafikan, peluang pekerjaan di bandar adalah lebih banyak dan menawarkan gaji yang lebih tinggi.

Mereka tidak mahu lagi bekerja di kampung halaman sebagai petani ataupun penternak. Hal ini kerana pendapatan yang tidak menentu dan memerlukan tenaga yang banyak. Penduduk di kampung juga marginal daripada penerimaan isu-isu semasa yang membabitkan negara mahupun dunia antarabangsa. Dalam usaha mendapatkan informasi terkini tentang isu-isu semasa, penggunaan media cetak dan elektronik masih terhad. Secara amnya orang kampung tertinggal dari segi ekonomi, kemudahan fiskal yang menyokong kemajuan sesuatu kawasan serta tertinggal dari segi aspek sosiologi dan pendidikan.

Walaupun, kawasan kampung mempunyai sumber bekalan untuk menjana ekonomi dan pendapatan seperti penduduk, tanah, flora dan fauna untuk menggiatkan aktiviti perniagaan, perindustrian dan pariwisata, tetapi elemen begini tidak dimanfaatkan. Jika ada pun, hanyalah sedikit dan tidak begitu berjaya menjalankan fungsinya. Orang kampung biasanya menjalankan aktiviti ekonomi tradisional seperti menternak haiwan, bertukang, bekerja kampung, bercucuk tanam sayur-sayuran, padi dan tembakau sebagai sumber pendapatan utama seharian. Pekerjaan tersebut pula selalunya hanyalah untuk kegunaan sendiri dan tidak dikomersialkan lantaran kekurangan modal, pengetahuan dan kemahiran .

Tambahan pula, taraf dan kos hidup di kampung lebih rendah daripada bandar, di mana Garis Kemiskinan di kawasan luar bandar adalah sekitar RM 500-RM 750, manakala di kawasan bandar adalah sekitar RM 1000-RM 1500. Penduduk yang berpendapatan di bawah jumlah yang dinyatakan adalah diisytihar miskin.

Masyarakat bandar dikatakan asyik mengejar kemewahan, sombong, mementingkan diri sendiri dan tidak gemar mengambil kira perihal jiran terdekat. Manakala, masyarakat kampung pula hidup dalam suasana masyarakat dan saling tolong-menolong antara satu sama lain kerana

mereka hanya bergaul rapat dengan orang sekitar kampung. Malangnya, ini juga menyebabkan kemahiran berkomunikasi mereka kurang jika dibandingkan orang bandar. Apabila menghadiri sesi temuduga untuk memohon pekerjaan, mereka akan sukar memperoleh pekerjaan kerana tiada nilai tambah keyakinan dan imej diri.

Kawasan yang betul-betul jauh di pedalaman lebih teruk marginal apabila mengalami kekurangan kemudahan awam atau asas seperti jalan tanah merah, penggunaan lampu minyak tanah atau lilin pada waktu malam dan juga penggunaan air sungai dalam urusan seharian. Walaupun tidak semua kampung sekarang ini berada dalam situasi sedemikian, namun kawasan kampung masih lagi ketinggalan dalam kemudahan pembelajaran, kemudahan beribadat, kemudahan rekresasi, kemudahan kesihatan dan sebagainya.

Kemudahan, alatan dan pilihan yang disediakan atau dibekalkan untuk belajar di kawasan bandar jauh lebih canggih berbanding kawasan kampung yang hanya dibekalkan dengan alatan asas yang jauh ketinggalan zaman. Penduduk di kawasan bandar mempunyai pelbagai pilihan kemudahan kesihatan yang lengkap sama ada oleh pihak kerajaan atau klinik dan hospital swasta oleh pihak tertentu. Sebaliknya bagi penduduk di kawasan kampung mereka terpaksa bergerak ke kawasan bandar untuk mendapatkan kemudahan kesihatan. Sistem saliran di kawasan bandar menggunakan sistem yang lebih tersusun seperti penggunaan selokan perumahan dan juga longkang monsun sebelum ianya disalurkan ke laut berbanding kawasan kampung yang menggunakan laluan air seperti parit dan sungai untuk mengalirkan air yang telah digunakan. Justeru tidak hairanlah jika taraf kesihatan bagi penduduk di kawasan kampung adalah sangat rendah.

Orang Asli di Malaysia

Masyarakat Orang Asli merupakan kaum minoriti di Malaysia dan dipercayai sebagai satu-satunya komuniti peribumi yang masih terdapat di Semenanjung Malaysia (Mustaffa, 2008; Ma' Rof, 2010; Rohayu, R. & Noor Sharipah, S.S., 2013). Berdasarkan kajian Rohayu, R. & Noor Sharipah, S.S. (2013) terhadap Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2011-2015, JAKOA (2011) menunjukkan sensus pada tahun 2010, terdapat 178,197 orang bilangan Orang Asli di Malaysia. Mengikut taburan penempatan masyarakat Orang Asli, 38% mendiami kawasan pedalaman, 61% di kawasan pinggir dan 1% di kawasan bandar. Negrito, Senoi dan Melayu-Proto merupakan tiga suku bangsa yang terdapat dalam komuniti masyarakat Orang Asli tersebut. Pelbagai bahasa pertuturan mereka selain daripada dialek Melayu tempatan kerana bagi setiap tiga suku bangsa tersebut itu pula dipecahkan kepada enam suku kaum yang lain dialek pertuturannya.

Marginalisasi menjadi fokus kajian berasas kepada hujah yang berikut:

- i. Sebelum ini kehidupan masyarakat Orang Asli kurang mendapat perhatian kerajaan. Jabatan Perangkaan Negara tidak pernah melibatkan Orang Asli dalam penyiasatan Pendapatan Isi Rumah. Hanya pada 1999, terdapat penyiasatan yang khusus bagi mereka. Masalah kemiskinan Orang Asli hanya mula diberikan perhatian oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.
- ii. Rasa marginal dan tidak puas hati masyarakat Orang Asli terhadap pihak kerajaan semakin kuat disuarakan sama ada oleh Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM) atau oleh Orang Asli sendiri secara individu. Rasa marginal tersebut dikaitkan dengan kehidupan mereka yang miskin, serba kekurangan serta keinginan terhadap pembangunan. (Sila lihat Persidangan Pembangunan Orang Asli Semenanjung Malaysia 1989 JHEOA; Simposium

Mengenai Kehidupan Sosial dan Pembangunan Orang Asli 1990 Universiti Kebangsaan Malaysia dan Simposium Warga Peribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan 1998 Universiti Kebangsaan Malaysia).

- iii. Pendekatan marginalisasi bersifat holistik. Ia mengkaji kemiskinan Orang Asli dari pelbagai aspek yang merangkumi ekonomi, sosial dan politik. Malah marginalisasi pemilikan tanah oleh masyarakat Orang Asli juga turut dikaji. Pendekatan marginalisasi ini berfokus kepada peningkatan peranan serta usaha yang perlu dimainkan oleh pihak kerajaan dalam membangunkan masyarakat tersebut dan seterusnya mengurangkan kemiskinan mereka.

Kemunduran dan kemiskinan komuniti Orang Asli secara umumnya turut memberi sumbangan besar kepada data paras kemiskinan negara walaupun mereka adalah masyarakat minoriti. Ini merupakan suatu cabaran utama yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha membangunkan komuniti Orang Asli secara berkesan. Kebanyakan Orang Asli masih hidup dibelenggu kemiskinan. Hutan dan persekitaran luar bandar serta kegiatan ekonomi sara diri masih merupakan gaya hidup Orang Asli. Walaupun kebanyakan kegiatan ekonomi berkenaan tidak berdaya maju namun kira-kira 86% daripada mereka masih berkerja sendiri. Ini disebabkan, sumber ekonomi tersebut tidak menjamin pekerjaan dan pulangan pendapatan yang tetap dan stabil kepada mereka. Kadang-kadang pula, harga pasaran yang terlalu rendah atau lebih memburukkan lagi keadaan berkemungkinan besar mereka ditipu oleh orang tengah yang mengawal harga barangan. Orang Asli seringkali disalah anggap sebagai masyarakat primitif yang anti pembangunan kerana mereka lebih suka hidup di atas pokok, tidak berbaju dan berselipar semasa berjalan. Apatah lagi, sebelum kemerdekaan Orang Asli kebanyakannya tinggal di kawasan hitam iaitu kawasan yang mempunyai pengaruh gerila komunis.

Jadi, di awal kemerdekaan negara sebahagian besar tujuan pembangunan adalah untuk memenangi hati mereka supaya menyokong kerajaan. Tumpuan kerajaan telah beralih ke atas mereka yang tinggal di kawasan pedalaman bagi tujuan keselamatan di kawasan hitam tersebut. Impaknya, Orang Asli yang tinggal di kawasan pinggir bandar menerima peruntukan yang berkurangan. Orang Asli sering dipinggirkan dan tersisih serta kekal hidup dalam kemunduran.

Masyarakat pribumi seperti Orang Asli selalunya tidak diintegrasikan ke dalam sistem ekonomi, sosial dan politik negara sebaliknya mereka lebih kerap menjadi pemerhati daripada terlibat aktif untuk memberi sumbangan atau menikmati pembangunan negara. Dalam arus pembangunan di Malaysia nasib Orang Asli semakin marginal. Tanah milik Orang Asli semakin terhakis, berkurangan untuk pembinaan empangan jalan kuasa elektrik, empangan bekalan air, jalan raya, tapak rekreasi dan taman perumahan. Contoh terbaik ialah perkampungan Orang Asli di Bukit Lanjan di Kota Damansara.

Jadual 5.4: Status Pendidikan Penduduk Orang Asli, 1997-2008

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 2012

Kajian T.Subahan M.Meerah et.al., (2006) mendapati, kanak-kanak Orang Asli di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak marginal disebabkan beberapa alasan tersendiri seperti kedudukan geografi, status sosio-ekonomi dan nilai budaya. Ciri-ciri geografi seperti pergunung-ganang, sungai, dan hutan, menghalang kewujudan pengangkutan awam, menyebabkan kanak-kanak perlu memperuntukkan beberapa jam untuk berjalan atau menaiki bot bagi mendapatkan pendidikan dan kemudahan asas yang lain. Menurut W.A.Amir Zal (2009: 50):

Asnarulkhadi (2005) menyatakan bahawa komuniti Orang Asli dianggap marginal dan tidak diintegrasikan bersama dalam perkembangan dan arus perdana pembangunan negara. Mereka bukan sahaja tidak menikmati kemajuan tetapi juga dianggap tidak dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Keadaan kemarginalan atau keterasingan agregat manusia ini juga berkemungkinan disebabkan oleh arus pembangunan perdana yang gagal membawa atau memasukkan mereka bersama sehingga menyebabkan mereka marginal. Selain itu, terdapat kes Orang Asli kehilangan hak milik tanah asal mereka melalui proses pembangunan di atas nama untuk mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat arus perdana (Nicholas, 2003). Walau bagaimanapun, menurut Omar Othman (2004), pembangunan yang dilaksanakan terhadap Orang Asli dilihat lebih banyak memberi impak positif berbanding negatif. Ini terbukti apabila keadaan Orang Asli yang berbeza selepas pembangunan dengan keadaan sebelum menerima pembangunan.

Terdapat peningkatan yang signifikan terhadap peratusan Orang Asli yang terkeluar daripada kategori miskin dalam masa 10 tahun bermula pada tahun 2000 sehingga tahun 2010. Peratusan terkeluar miskin Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli iaitu 16.6 % pada tahun 2000 meningkat kepada 68.84 % pada tahun 2010. Manakala perangkaan peratusan kemiskinan menurun dari 83.4 % pada tahun 2000 kepada 31.16 % pada tahun 2010 seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah.

Selain itu, setiap negeri mempunyai bilangan KIR Orang Asli dalam golongan miskin dan miskin tegar. Peratusan tertinggi dalam data komuniti kemiskinan KIR Orang Asli didominasi oleh negeri Pahang, diikuti Perak dan kemudiannya Kelantan . Ini dapat dirujuk melalui Jadual 2 di bawah. Perkara yang membimbangkan adalah kemiskinan yang membelenggu golongan ini boleh memberi implikasi timbulnya permasalahan yang lain.

Justeru perkara utama yang perlu difikirkan ialah menyelesaikan masalah kemiskinan. Dalam menangani masalah tersebut penyediaan ruang pekerjaan mungkin merupakan salah satu cara. Pelbagai usaha untuk tidak membiarkan Orang Asli terus marginal juga patut diteruskan walaupun paras kemiskinan mereka secara relatifnya semakin berkurangan.

Jadual 4.1: Insiden Kemiskinan KIR Orang Asli dari Tahun 2000-2010

Sumber: Rohayu, R., & Noor Sharipah, S.S., 2013.

Jadual 4.2: Komuniti Data Kemiskinan Ketua Isi Rumah Orang Asli sehingga Tahun 2010

Sumber: Rohayu & Noor Sharipah (2013).

Masyarakat di Pinggir Sungai, Laut atau Kawasan Pulau

Komuniti masyarakat yang tinggal di kawasan berair seperti tepi sungai atau laut mahupun kawasan pulau sering disebut sebagai marginal kerana latar belakang geografinya. Rata-rata mereka masih memerlukan kemudahan asas yang baik, dan perhatian yang lebih daripada pihak kerajaan. Malangnya, faktor kedudukan geografi dan distribusi sumber telah menyebabkan usaha bagi memenuhi tuntutan tersebut terlaksana secara minima. Jadi proses pembangunannya mengikut kaedah pembangunan semulajadi yang sentiasa memakan masa yang agak lama dan bertahap.

Dari segi pendidikan pula, tarafnya masih rendah dalam kalangan penduduk kawasan berair. Rata-rata biasanya menamatkan pengajian sekolah rendah namun masalah kurangnya kesedaran kepentingan pendidikan dalam kalangan ibu bapa, masalah pengangkutan dan tiada sekolah menengah berdekatan tempat tinggal mereka menyebabkan mereka tidak dapat menyambung pelajaran ke peringkat seterusnya.

Pada masa kini, sektor pelancongan merupakan sektor pekerjaan yang mendapat tempat kedua sebanyak 18% selepas nelayan 55.7% berdasarkan kajian Yahaya, I., (2007). Namun, pengusaha tempatan yang lahir daripada pembangunan industri pelancongan cuma 3.3% iaitu dengan menjadi pengusaha bot, chalet dan bekerja sendiri. Meskipun hampir 20% daripada Pulau Redang, Terengganu dibangunkan untuk aktiviti pariwisata, malangnya penyertaan penduduk

tempatan dalam sektor berkaitan amatlah kecil jika dibandingkan dengan jumlah pelaburan oleh pihak kerajaan dan swasta.

Anggota komuniti pulau tersebut hanya mampu memerhati perkembangan yang berlaku dari semasa ke semasa tanpa mampu mengambil sebarang langkah untuk turut bersaing dengan pihak luar. Bekalan bahan mentah segar kurang daripada 10% dibekalkan oleh penduduk tempatan walaupun terdapat banyak chalet dan hotel sedangkan majoritinya nelayan. Oleh itu, peluang untuk menjadi pembekal atau pemborong tidak begitu terbuka luas untuk komuniti tempatan. Ini mungkin berlaku disebabkan faktor ketidakmampuan ekonomi dan tahap pembangunan minda komuniti agak rendah dalam usaha mencorakkan perubahan dan halatuju komuniti di Pulau Redang. Akhirnya, Pulau Redang maju dengan pembangunan fizikal yang diusahakan oleh pihak lain atas motif mengaut keuntungan (Yahaya, I., 2007).

Taraf pendidikan penduduk Pulau Redang juga masih rendah (Yahaya, I., 2007). Secara purata hanya lima orang daripada kalangan anak-anak pulau yang berjaya ke pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Kesedaran pendidikan dalam kalangan ibu bapa juga rendah. Mereka membiarkan anak-anak menentukan sendiri sama ada ingin meneruskan persekolahan atau membantu dalam urusan kerja seharian sebagai nelayan. Selain itu, disebabkan tiadanya sekolah menengah di pulau dan masalah sukar untuk mendapatkan pengangkutan apatah lagi tambang bot agak mahal untuk ke tanah besar telah menyebabkan ibu bapa kurang menggesa anak-anak lebih tekun meneruskan pelajaran. Berdasarkan kajian Yahaya, I., (2007), diskriminasi atau proses marginalisasi secara halus dan perlahan-lahan kelihatan masih berlaku meskipun terdapat segelintir anggota komuniti pulau yang mampu bersaing sekiranya diberi peluang berbuat begitu.

Begitu juga tahap pendidikan dalam kalangan penduduk Pulau Tioman, Pahang secara umumnya masih di tahap yang rendah (Yahaya, I., 2007) perhatian kepada soal melanjutkan pelajaran anak-anak ke peringkat seterusnya atau terus bekerja di sektor pelancongan. Hal ini adalah disebabkan kurangnya kemudahan persekolahan. Terdapat hanya dua buah sekolah rendah disediakan untuk penduduk dari tujuh buah kampung di Pulau Tioman. Manakala, hanya terdapat sebuah sekolah menengah yang hanya menyediakan persekolahan sehingga tingkatan tiga dan ditempatkan bersama-sama dengan sekolah rendah di Kampung Tekek (Yahaya, I., 2007). Kebanyakan penduduk pulau hanya tamat tingkatan tiga disebabkan tambang bot yang membebankan ibu bapa. Mereka kurang menggalakkan anak-anak untuk meneruskan persekolahan ke sekolah lain di tanah besar, sebaliknya berusaha meningkatkan pendapatan keluarga dengan menggalakkan anak-anak menolong mereka.

Keadaan penduduk Pulau Perhentian, Terengganu dan Pulau Tioman, Pahang lebih baik berbanding penduduk Pulau Redang. Marginalisasi penduduk pulau sendiri juga berlaku namun tidaklah terlalu teruk jika dibandingkan Pulau Redang. Hasil kajian Yahaya, I., (2007) mendapati, marginalisasi ini dapat dilihat apabila hanya terdapat 15 pengusaha anak tempatan daripada 34 pengusaha chalet yang terdapat di Pulau Perhentian.

Walaupun begitu, kebanyakan perusahaan yang dijalankan bukan merupakan perusahaan warisan. Pengusaha tersebut memulakan perniagaan dengan modal sendiri tanpa sebarang bantuan daripada mana-mana pihak walaupun terdapat banyak agensi kerajaan yang menawarkan bantuan. Kebanyakan mereka juga berminat untuk mengembangkan lagi perniagaan walaupun terdapat sebahagiannya telah berpuas hati dengan perusahaan mereka sekarang.

Keadaan yang lebih baik bagi penduduk Pulau Perhentian ini mungkin berkaitan dengan tahap pendidikan yang diterimanya. Kajian Yahaya, I., (2007) mendapati 76.9% daripada 173 orang ketua isi rumah yang ditemubual telah menerima tahap pendidikan tertentu dan hanya

16.2% sahaja tidak. Walaupun dahulu hampir keseluruhan penduduk adalah nelayan, tetapi kini mereka lebih bergiat dalam aktiviti pelancongan dan hanya kurang daripada 20% penduduk mengusahakan sektor tradisional.

Walaupun industri pelancongan dapat meningkatkan pendapatan sebilangan penduduk kawasan berair, sebenarnya masih terdapat diskriminasi dan persepsi negatif dalam kalangan pengusaha luar terhadap penduduk tempatan. Pekerja dalam kalangan penduduk tempatan biasanya hanya berpeluang melakukan kerja-kerja peringkat bawahan dengan kadar gaji yang lebih rendah berbanding pekerja luar. Tidak mempunyai kelulusan berkaitan, kurang pengalaman, tiada kemahiran dan kurang disiplin menjadi antara alasan yang menghalang penduduk tempatan menjabat jabatan yang lebih baik.

Oleh sebab itu, komuniti tempatan merasa dipinggirkan apabila kebanyakan tenaga mahir yang bekerja di resort utama pulau-pulau berasal dari tanah besar. Bahkan, dari segi bidang perniagaan, penglibatan penduduk tempatan amat terbatas. Daya saing yang kurang dalam kalangan penduduk tempatan telah memberi peluang kepada penduduk dari kawasan lain merebut peluang menjadi pengusaha yang berjaya di kawasan berair.

Dalam hal ini, penduduk tempatan tidak boleh disalahkan kerana mereka kekurangan modal, keyakinan, pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan kemampuan amat rendah untuk bersaing dengan mereka dari luar. Situasi ini menyebabkan mereka mengambil langkah meminggirkan diri daripada menceburi sektor yang dianggap baru, mencabar dan sukar ditembusi mereka yang serba kekurangan.

Komunitas Adat Terpencil (KAT) di Indonesia

Kanak-kanak Pelarian

Surat Beranak atau rekod pendaftaran kelahiran merupakan rekod rasmi negara tentang kelahiran seseorang anak. Ia merupakan pemberian pertama kerajaan yang mengakui tentang kewujudan mereka bagi memastikan perlindungan dan hak sebagai rakyat sesebuah negara. Ia juga menjadi asas kepada setiap status kewarganegaraan bagi menentukan kerakyatan seseorang. Kanak-kanak yang tidak mempunyai status kewarganegaraan akan mewarisi masalah atau isu persekitaran yang mampu menghalang potensi mereka.

Walaupun secara umum, punca masalah bukanlah salah anak-anak tersebut, namun keadaan atau masalah tersebut jika tidak diselesaikan akan menyebabkan kelahiran, kehidupan dan kematian mereka seolah-olah tidak pernah wujud. Mereka menjadi mangsa keadaan kerana ketiadaan kerakyatan. Lebih-lebih lagi ia juga menjurus ke arah persekitaran rumah yang tidak sihat, konflik atau perpisahan keluarga, dan menghadkan mereka daripada menikmati hak sebagai warganegara termasuklah perkhidmatan kesihatan dan ekonomi (UNICEF, 2009).

Kanak-kanak pelarian pula tidak menghadapi banyak masalah untuk mendapat akses kepada kemudahan asas kerana komuniti mereka terletak di pinggir bandar. Namun, lebih daripada 50% kanak-kanak pelarian ini tidak mempunyai dokumen menyebabkan mereka marginal daripada mendapat kemudahan pendidikan (T.Subahan M.Meerah et.al., 2006). Kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) pada tahun 2009 mendapati bahawa 43973 kanak-kanak tanpa dokumen yang berusia di antara 7 hingga 17 tahun masih tercicir daripada mendapat pendidikan (UNICEF, 2011). Menurut Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) dan Pasukan Petugas Khas Persekutuan

(Sabah/Labuan), di Kampung Numbak, Kota Kinabalu Sabah sahaja terdapat lebih kurang 300 orang kanak-kanak pelarian tanpa dokumen.

Pengalaman global UNICEF selama ini telah menunjukkan bahawa, risiko eksploitasi dan keganasan lebih rentan kepada anak-anak yang keciciran sekolah. Tanpa pengawasan orang dewasa yang bertanggungjawab, berbagai-bagai kebarangkalian buruk mungkin boleh berlaku terhadap kanak-kanak tersebut. Mereka berkemungkinan besar lebih terdedah kepada bahaya kemusnahan dan keganasan, mudah ditipu daya untuk menyertai geng-geng samseng serta dieksploitasi oleh mereka yang lebih berusia atau rakan sebaya yang tidak bertanggungjawab ke arah kegiatan yang tidak bermoral seperti pelacuran. Menurut Wakil UNICEF ke Malaysia, Mr Hans Olsen:

“Anak-anak yang tidak boleh membaca dan menulis mempunyai peluang jauh lebih tipis untuk memajukan diri, terutama dalam dunia yang semakin moden dan global ini,” ...
“Tanpa pendidikan, peluang untuk kanak-kanak ini mencapai potensi diri mereka dirampas dan akhirnya merugikan masyarakat.”

Menurut UNICEF (2009), anak-anak bukan rakyat Malaysia tetapi dilahirkan di Malaysia merupakan kanak-kanak yang paling berisiko tinggi untuk “lenyap dan marginal” di Malaysia. Mereka adalah seperti anak-anak pelarian dan pencari perlindungan suaka, anak pekerja migran yang tidak berdaftar, serta anak-anak ibu tunggal dan anak yang dilahirkan di kawasan pedalaman. Seterusnya UNICEF (2009) juga menyatakan yang kanak-kanak menjadi “lenyap dan marginal” apabila hak-hak mereka seperti yang termaktub di dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Child atau CRC) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 20 tahun dahulu telah dicabuli. Terdapat beberapa faktor yang meningkatkan risiko kanak-kanak ini menjadi “lenyap dan marginal” seperti:

Kemiskinan; Tidak dikira dalam statistik, diabaikan atau dilupai masyarakat dan negara; Pembahagian kawasan bandar-luar bandar dan terpencil-pedalaman; Kekurangan atau kehilangan pengenalan rasmi; Keruntuhan keluarga (perpisahan, perceraian, salah seorang atau kedua-dua ibu bapa atau penjaga di penjara); Eksploitasi kanak-kanak melalui pemerdangangan manusia dan buruh paksa; Kanak-kanak diberi peranan orang dewasa sebelum waktunya, seperti dikahwinkan dalam usia muda; Norma budaya dan sikap masyarakat yang menyebabkan stigma dan diskriminasi terhadap gender, migran, orang bukan rakyat, penyalahgunaan narkoba, pekerja seks, HIV dan AIDS.

Kanak-kanak tersebut juga tidak diambil kira dalam pembentukan undang-undang disebabkan faktor marginalisasi sosial, ekonomi dan geografi (UNICEF, 2009), apatah lagi mereka berada di luar pemerhatian dan jangkauan Matlamat Pembangunan Millenium. Kanak-kanak tersebut juga seterusnya akan membesar menjadi individu buta huruf, kurang zat pemakanan dan tidak sihat, mudah terdedah kepada keganasan, eksplotasi dan penyakit yang amat berbahaya seperti AIDS. Hal ini terjadi apabila mereka tidak mendapat identiti, perlindungan, perkhidmatan formal, sumber-sumber ekonomi, maklumat, pendidikan dan penyertaan dalam masyarakat umum yang normal.

Kemudahan layanan pendidikan, penjagaan kesihatan dan perlindungan serta mempunyai peluang kecil untuk menuntut hak dan masa depan tidak diberikan kepada kanak-kanak yang marginal untuk mendapatnya. Di Malaysia terdapat lebih kurang 200,000 kanak-kanak pada usia sekolah rendah tidak ke sekolah. Paling ketara mereka dilihat berada di jalanan atau menjadi

gelandangan. Namun, bukan semua anak-anak jalanan itu anak yatim. Di Malaysia, kanak-kanak yang hidup di jalanan termasuklah kanak-kanak yang tiada dokumen, tiada kewarganegaraan dan anak-anak pendatang haram. Sesetengah kanak-kanak ini pula berkemungkinan telah lari dari rumah akibat penderaan psikologi, fizikal dan seksual.

Kanak-kanak perempuan juga boleh jadi marginal akibat ketidakadilan gender dan lebih berisiko tinggi mendapat jangkitan HIV AIDS. Sikap masyarakat Malaysia terhadap seks dan pendidikan seks pula sering menjadi penghad kepada mereka dalam usaha mendapat maklumat yang betul.

Gelora jiwa muda akan menyebabkan mereka mudah tertekan dan kurang berupaya mengawal bila, bagaimana dan dengan siapa sepatutnya mereka melakukan hubungan seksual yang halal. Lebih memburukkan keadaan apabila mereka terdedah kepada penyalahgunaan narkoba, penganiayaan, penderaan, keganasan dan eksploitasi seksual sehingga boleh membawa kepada jangkitan HIV AIDS. Maka kehidupan seharian mereka tidak sama dengan alam kanak-kanak seperti yang termaktub dalam Konvensyen Kanak-kanak UNICEF 2009.

Kanak-kanak yang keluarganya terjejas disebabkan HIVAIDS akan mengalami tekanan emosi dan psikologi yang amat teruk. Stigma dan diskriminasi yang dikaitkan dengan kerja seks, penyalahgunaan narkoba dan jangkitan HIV boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut menjadi marginal, diasingkan dan disisihkan masyarakat. Keperitan hidup menjadi mangsa keadaan akibat ketidakupayaan ibu bapa atau penjaga bekerja, boleh menyebabkan mereka keciciran dari sekolah. Selain itu, berkemungkinan besar mereka terjun ke bidang pekerjaan di usia muda dengan menjadi buruh, pencuci, pekerja kedai makan, pemuzik jalanan kerana terpaksa memikul beban memelihara dan menyara ibu bapa atau adik-beradik yang lain.

Kanak-kanak terbabit marginal dari arus norma masyarakat disebabkan keganasan atau pencabulan hak terhadap kanak-kanak. Pencabulan hak ini merangkumi penganiayaan fizikal, mental dan seksual, termasuklah sumbang mahram, penderaan fizikal dan mental serta boleh membawa kematian. Akibat pantang larang sosial dan budaya masyarakat Malaysia, kanak-kanak terbabit sering menanggung kesengsaraan tersebut di dalam diam, dan takut untuk memberitahu orang lain kerana malu atau risau akan dihukum. Kanak-kanak terlibat biasanya terus menjadi mangsa orang-orang yang dipercayai sepatutnya melindungi mereka seperti ibu bapa, ahli keluarga, rakan sebaya, kenalan sama ada di rumah, sekolah atau komuniti di mana mereka tinggal.

BAB 4

PENDIDIKAN DAN PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT MARGINAL

The World Education Report (1993) menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu negara yang rendah kadar celik huruf dalam kalangan rakyatnya (78.4%) berbanding negara Asia Tenggara lain seperti Singapura (100%), Indonesia (81.6%), Thailand (93%) dan Filipina (89.7%). Pada tahun 1996, UNESCO melaporkan rakyat Malaysia yang berumur 10 tahun ke atas adalah celik huruf namun, secara rata-rata setiap individu hanya membaca 2 buah buku dalam setahun. Kadar celik huruf dalam kalangan penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak juga dilaporkan masih rendah iaitu pada kadar 79%.

Celik huruf penting untuk membasmi kemiskinan, mengurangkan kematian kanak-kanak, menghalang pertumbuhan populasi, mencapai kesaksamaan gender dan memastikan

pembangunan lestari, keamanan dan keharmonian. Penambahbaikan pendidikan daripada segi capaian, ekuiti dan kualiti perlu diberi tumpuan, khasnya bagi golongan kanak-kanak yang marginal di Malaysia. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah merencana pelbagai program dan dasar bagi membangun dan memajukan masyarakat marginal di bandar dan diluar bandar. Pendidikan merupakan agen perubahan sosial di mana ianya dapat membentuk elemen yang penting bagi sesebuah negara dalam usaha ke arah membangunkan masyarakat dalam semua aspek.

UNICEF (The United Nations Children's Fund)

UNICEF telah bekerjasama dengan banyak negara untuk membantu masyarakat marginal. Di Malaysia, UNICEF telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk kanak-kanak orang Asli. Hal ini kerana pmasyarakat ini telah sekian lama dibebani dengan pencapaian persekolahan yang rendah dan kadar keciciran yang tinggi. Selama tujuh tahun mulai 1999, kanak-kanak ini telah disediakan kelas pemulihan yang istimewa dalam pembacaan dan kira-kira. Dalam 2006, aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan telah dibangunkan. Latihan untuk guru dan pentadbir sekolah dalam pendekatan khusus kepada kanak-kanak orang Asli, yang ditumpukan kepada persekitaran pembelajaran yang menyeluruh dan sistem grading yang rapi juga akan dibentuk.

UNICEF juga memfokuskan aktiviti kepada pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang menyeluruh bagi kanak-kanak yang mempunyai keperluan istimewa sejak lahir hingga bersekolah. UNICEF turut memberi tumpuan secara khusus kepada isu seksual dan pembiakan untuk kanak-kanak yang mempunyai keperluan istimewa yang telah dikenal pasti mempunyai risiko yang tinggi kepada eksploitasi seks terhadap kanak-kanak ini. Aktiviti termasuk kerjasama pelbagai agensi untuk mengadakan manual dan garis panduan serta latihan kepada mereka yang menyediakan khidmat penjagaan kanak-kanak. Usaha untuk meningkatkan pengesanan awal autisme di kalangan kanak-kanak oleh UNICEF bersama-sama Bahagian Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan supaya langkah-langkah awal pencegahan untuk manfaat kanak-kanak dapat dimulakan. Dalam 2006, program termasuk kajian perintis yang akan menyumbang kepada dasar negara dan alat pengesanan piawai untuk autisme di kalangan kanak-kanak.

Program Pembangunan Masyarakat Marginal di Negara Barat

Program Pembangunan Masyarakat Marginal di Malaysia

Terdapat banyak program pembangunan masyarakat marginal dilakukan di Malaysia oleh badan kerajaan dan juga badan bukan kerajaan. Berikut adalah beberapa program pembangunan masyarakat marginal yang terpilih.

Program Pembangunan Masyarakat oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menggariskan pelbagai program untuk membantu golongan marginal terutamanya golongan miskin supaya dapat peluang meningkatkan tahap pendidikan seterusnya menghidupkan semangat majukan diri pada masa depan. Program Kecemerlangan Pendidikan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi mengikuti kursus-kursus peningkatan akademik pelajar terdiri daripada anak-anak kumpulan sasar iaitu Ahli Isi Rumah (AIR) miskin tegar yang bersekolah dan berdaftar dengan pengkalan data miskin tegar atau e-Kasih Sistem SPKR. Matlamatnya ialah untuk meningkatkan

tahap pendidikan serta pencapaian akademik pelajar terdiri daripada anak-anak kumpulan sasar supaya mereka berpeluang untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi. Program Taman Asuhan / Bimbingan Kanak-Kanak menyediakan kemudahan pembelajaran kepada anak-anak golongan kumpulan sasar bagi mendapatkan asuhan dan pra-pendidikan yang baik bagi membolehkan ibu-ibu melaksanakan aktiviti menambah pendapatan keluarga. Perkhidmatan **Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)** termasuk di bawah Program Kesejahteraan Rakyat (PKR) atau Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), KKLW. Tujuannya untuk memberi pendidikan prasekolah. KEMAS dikenali sebagai TABIKA bagi kanak-kanak berumur 4 - 6 tahun. Program pendidikan keibubapaan juga dapat dilaksanakan untuk ibu bapa dan masyarakat melalui TASKA. **Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) – KEMAS** merupakan program pendidikan prasekolah KEMAS bagi kanak-kanak berumur 4 - 6 tahun. Tujuannya untuk menggalakkan perkembangan sosial, emosi, intelek dan fizikal sebagai penyediaan asas sebelum pendidikan formal di sekolah rendah. Keluarga miskin tegar yang mempunyai anak-anak berumur 1-6 tahun menjadi kumpulan sasar. Bantuan kewangan dan pengurusan disediakan dalam program ini bagi menyediakan bangunan dan peralatan baru serta bantuan pemulihan bangunan dan peralatan sedia ada.

Bantuan Kewangan Pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan keistimewaan yang diberikan kepada pelajar OKU. Bantuan ini dibezakan dengan kemudahan-kemudahan lain yang turut diterima oleh pelajar bukan OKU. Ini bermakna sekiranya seseorang pelajar OKU itu menerima biasiswa atau kemudahan lain yang juga turut dinikmati oleh pelajar bukan OKU, maka pelajar OKU tersebut adalah layak menerima tunjangan ini. Jika sesuatu kemudahan atau biasiswa itu diterima atas dasar kecacatannya, maka seseorang OKU tersebut tidak seharusnya mendapat faedah berganda. Misalnya jika seseorang pelajar OKU itu telah menerima biasiswa khas untuk melanjutkan pelajaran di IPT kerana kecacatannya, elaun khas ini tidak dipanjangkan kepada beliau.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) telah melaksanakan usaha yang selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Ekonomi Baru. Garis panduan masyarakat Orang Asli telah dikaji semula ke arah mempercepatkan peningkatan taraf sosioekonomi di samping mengekalkan budaya mereka. Proses pembangunan Orang Asli dapat memberi kesejahteraan, keselamatan dan mengintegrasikan mereka dengan masyarakat lain ke arah mencapai matlamat yang dimaksudkan.

Majoriti masyarakat menganggap kaum minoriti terdiri daripada kira-kira 180, 000 (bancian 2010) itu tidak mahu pembangunan. Hal ini menyebabkan pendidikan Orang Asli dipandang sepi. Sejak akhir-akhir ini, aspek pendidikan Orang Asli dilihat semakin meningkat. Menurut JAKOA, sejak 2000 hingga 2008, bilangan anak Orang Asli yang mendapat tawaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seramai 98 orang. Pada 2010, ia meningkat lebih baik kepada 370 orang dan 408 pada 2011. Semua data merangkumi pelajar di tahap matrikulasi, sijil, pradiploma, diploma dan sarjana muda. Apa yang menggembirakan ialah bilangan pelajar Orang Asli di peringkat sarjana muda semakin meningkat dari tahun ke tahun (64 orang pada 2006 kepada 207 pada tahun 2011) (Berita Harian, 26 Julai 2012). Jadual di bawah merujuk kepada status pendidikan Orang Asli dari tahun 1997 sehingga 2008.

Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (PSKOA) 2011-2015 dibuat untuk menyusun dan memperkukuhkan semua Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dengan memberi nafas baru sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Pelan ini juga menyediakan garis panduan,

hala tuju dan strategi kemajuan masyarakat Orang Asli untuk lima (5) tahun bermula pada 2011 hingga 2015 secara komprehensif yang bertunjangkan kepada Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PILB).

PSKOA yang dirumuskan ini mempunyai perancangan holistik, sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa yang semakin menantang. PSKOA ini juga mengambil kira kesinambungan dan keselarasan dalam program dan dasar yang telah dirancang dalam RM Ke-10, Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan dasar-dasar lain yang berkaitan. Pelbagai aktiviti yang melibatkan pendidikan dan pembangunan minda masyarakat Orang Asli melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala dengan agensi luar yang berkepentingan telah dipertanggungjawab kepada Bahagian Pembangunan Minda.

Bahagian ini terdiri daripada dua (2) seksyen utama iaitu Seksyen Pendidikan dan Seksyen Pembangunan Minda. Seksyen Pendidikan berperanan membuka peluang dan memajukan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli bermula dari peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi sama ada di dalam mahupun di luar negara. Peranan lain seksyen ini adalah dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli melalui pendidikan non-formal. Manakala Seksyen Pembangunan Minda berperanan dalam usaha meningkatkan pembangunan minda, meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan nilai-nilai positif di dalam diri. Ia dilakukan dengan cara memberi pendedahan kepada masyarakat Orang Asli melalui kursus-kursus, latihan kemahiran dan kerjaya bagi mencetuskan anjakan paradigma seiring dengan perkembangan arus perdana negara. Skim Bantuan Galakan Pendidikan (Biasiswa) diwujudkan bagi memberi galakan dan membantu masyarakat Orang Asli agar meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Skim ini merupakan strategi ke arah kecemerlangan pendidikan serta membantu meringankan beban ibu bapa Orang Asli dalam membiayai persekolahan dan pengajian anak-anak mereka.

Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

Kerajaan telah mewujudkan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) untuk melaksanakan program peningkatan pendapatan, latihan kemahiran dan bina upaya di samping mengadakan Program Kecemerlangan Pendidikan dalam usaha membantu golongan berkenaan. Di samping itu juga, kerajaan meneruskan usaha menyediakan perumahan mampu milik dan memperbaiki rumah usang di bawah Program Bantuan Rumah yang memberi manfaat kepada 1,368 isi rumah. Sehingga Julai tahun ini, seramai 3,255 wanita telah menjalani program latihan kemahiran dan keusahawanan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Pelan Strategik untuk tempoh 2010 hingga 2014 telah dilancarkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bagi menangani masalah kemiskinan bandar secara holistik termasuk memberi bantuan kepada isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan.

Kerajaan memperkenalkan program Mikro Kredit Bandar bagi mendorong warga miskin bandar menceburi perniagaan kecil yang diuruskan oleh AIM dan memanfaatkan 16,907 pemohon dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini. Menurut Laporan Ekonomi, usaha berterusan telah dilaksanakan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana dengan melancarkan Skim Pengeluaran Fleksibel yang membolehkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menggunakan akaun sedia ada dalam akaun dua bagi mendapatkan pembiayaan yang lebih tinggi. Selain itu, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) juga telah ditubuhkan untuk menjamin pinjaman bank bagi mereka yang tidak berpendapatan tetap selain menawarkan rumah

kos rendah untuk dijual kepada penyewa semasa oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Kerajaan juga menitik beratkan aspek kesihatan selain meningkatkan pendapatan, di mana ia tertumpu kepada membina dan menaik taraf kemudahan hospital dan klinik.

Sebanyak 51 premis di kawasan bandar terpilih di Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor telah diubahsuai menjadi klinik 1Malaysia Bagi menyediakan peluang pelaburan dan meningkatkan pendapatan rakyat, kerajaan telah menerbitkan Sukuk 1Malaysia yang menjamin kadar pulangan sebanyak 5.00 peratus setahun. Melalui program ini, pemegang yang akan dibayar setiap suku tahun dan memberi fleksibiliti kepada pemegang untuk membeli dan menjual sukuk tersebut sebelum tarikh matang. Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia pula telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu golongan yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap dengan kontribusi minimum sebanyak RM50 hingga maksimum RM5000 sebulan.

Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan sasaran menyertai atau menjalankan projek-projek ekonomi dalam pelbagai sektor. Matlamatnya ialah untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta meningkatkan taraf hidup dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan. Kumpulan Sasaran terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR), Ibu Tunggal (IT), Surirumah (SR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) Miskin Tegar yang produktif, iaitu tidak uzur, tamat persekolahan, berminat dan berazam kuat untuk menjalankan projek. Bantuan kewangan (seed money) dan khidmat pengurusan (maksimum RM 10,000) telah disediakan bagi pelaksanaan projek-projek ekonomi seperti:

- i. kursus persediaan / latihan pra-pelaksanaan
- ii. peralatan / mesin
- iii. bengkel / premis / ruangniaga
- iv. bahan mentah
- v. modal pembangunan & operasi

Perusahaan sumber asas tani adalah seperti perusahaan memproses gula, perusahaan membuat hasil produk daripada rotan dan anyaman mengkuang dan nipah, perusahaan membuat kek dan roti, perusahaan ubatan tradisional daripada herba tempatan dan sebagainya. Perniagaan pula adalah seperti berniaga secara kecil-kecilan di ruang atau sudut perniagaan atau kiosk, perniagaan makanan dan minuman, penjaja statik atau bergerak dan sebagainya. Aktiviti perkhidmatan pula melibatkan aktiviti-aktiviti menjahit dan reka fesyen pakaian, mengusahakan kedai gunting rambut dan salon kecantikan, menjalankan khidmaturut tradisional dan sebagainya.

Program Pembangunan Masyarakat Setempat

Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membangunkan kawasan-kawasan penempatan kumpulan sasaran samada secara in-situ atau penempatan baru. Matlamat utama program adalah untuk membolehkan kumpulan sasaran di kawasan-kawasan terpencil menikmati kemudahan-kemudahan asas pembangunan melalui penyediaan kemudahan, perumahan, infrastruktur, utiliti dan ameniti sosial dan menyertai arus perdana pembangunan. Keluarga miskin tegar dan isi rumah berpendapatan kurang dari separuh Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) adalah merupakan kumpulan sasaran bagi program. Keutamaan akan diberi kepada ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar:

- i. mempunyai ramai tanggungan

- ii. tidak mempunyai tanah / rumah sendiri
- iii. tinggal di kawasan terdedah bencana alam atau terpencil
- iv. penempatan semula masyarakat Orang Asli
- vi. penempatan semula kumpulan minoriti Bumiputera Sabah dan Sarawak

Program Bantuan Rumah

Program Perumahan Rakyat adalah satu program kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Jabatan Perumahan Negara/ Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah agensi pelaksana utama bagi projek-projek PPR di seluruh Malaysia. PPR terdiri daripada 2 kategori iaitu PPR Disewa (PPRS) dan PPR Dimiliki (PPRM). Pada asalnya program PPRM hanya dilaksanakan di negeri Pahang tetapi mulai Rancangan Malaysia ke-10, Program PPRM telah diperluaskan di negeri Kelantan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sabah. Rumah-rumah PPR dimiliki dijual pada paras harga antara RM30,000.00 dan RM35,000.00 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM40,500.00 di Sabah dan Sarawak.

Bantuan kewangan dan pengurusan program ini disediakan bagi membolehkan kumpulan sasar mendiami rumah yang lebih selamat dan selesa berbanding tempat kediaman terdahulu. Matlamat program ialah untuk meningkatkan kualiti hidup mereka dengan segera. Pelbagai langkah telah diambil bagi mengatasi masalah setingan sejak dahulu lagi. Contohnya pihak kerajaan negeri Selangor telah memperkenalkan Program Setingan Sifar 2005. Melalui program ini pihak berkuasa tempatan dikehendaki untuk menjalankan sensus untuk menentukan jumlah sebenar penduduk setinggan. Mereka kemudiannya diberikan dua pilihan sama ada menerima uang kompensasi atau berpindah ke rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan dengan harga yang murah dan mampu dimiliki.

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah dilantik untuk membina 8 buah blok pangsapuri kos rendah yang mampu menempatkan 1512 buah keluarga dalam mengatasi masalah setingan yang pernah berlaku di Taman Medan. Dalam hal ini, proses pembancian telah dilakukan oleh Jabatan Perancangan dan Pembangunan. Selain daripada itu, Koperasi Huda juga turut diberikan kepercayaan untuk membina rumah-rumah kos rendah. Tapak perumahan setinggan yang sedia ada digunakan untuk membina perumahan tersebut. Lantaran itu, penduduk setinggan perlu dipindahkan sementara ke rumah transit di Damansara dan Lembah Subang. Pampasan sebanyak RM1000 diberikan dengan penolakan sebanyak RM124 atas tujuan pembayaran sewa rumah transit. Kumpulan sasar bagi program ini adalah golongan miskin tegar yang berdaftar dengan Sistem e-Kasih atau SSPKR. Golongan tua, uzur dan cacat serta ibu tunggal yang mempunyai ramai tanggungan akan diberikan keutamaan. Penerima bantuan perlu memiliki tanah sendiri atau mempunyai kelulusan bertulis daripada pihak berkenaan sekiranya menyewa/menumpang tanah milik orang lain atau kerajaan.

Komponen projek di bawah PBR terbahagi kepada 3 kategori:

- i. Membina Semula/Bina Baru
- ii. Membaikpulih Rumah
- iii. Membaiki Kerosakan Rumah Kerana Ditimpa Bencana

Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT)

Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) adalah program membantu membaiki rumah penduduk Malaysia yang tinggal di pedalaman yang miskin dan daif. Kebanyakan rumah

mereka telah dibina pada 1960-an dan 1970-an adalah rumah papan, tidak ada bekalan air dan elektrik, dan terlalu uzur.

Kebanyakannya pula hanya didiami oleh ibu bapa atau datuk nenek yang tua dan uzur. Projek Perumahan Rakyat Termiskin telah diilhamkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1995. Namun PPRT telah diperluaskan skopnya dengan membantu mereka yang tidak mempunyai rumah sendiri tetapi mempunyai tanah.

Kerajaan memperkenalkan Program Perumahan Rakyat iaitu membina rumah pangsa di kawasan setinggan dalam kawasan bandaraya Kuala Lumpur. Penduduk setinggan dipindahkan ke kawasan tertentu sementara menunggu PPR menyiapkan rumah pangsa berkenaan. Bajet 2001 memperuntukkan RM 797 juta bagi projek perumahan rakyat.

Peranan utama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) salah satunya adalah untuk memastikan kehidupan masyarakat yang lebih berkualiti dan harmoni melalui penyediaan perumahan yang mencukupi, sempurna dan dilengkapi dengan kemudahan sosial dan rekreasi.

Program Pembangunan Masyarakat Marginal di Indonesia

Program PAUD

Program Bidik Misi

SLB Sekolah Luar Bandar

Komuniti Adat terpencil

Senaraikan beberapa program pembangunan di Indonesia

BAB 5 HALATUJU PEMBANGUNAN MASYARAKAT MARGINAL

Masyarakat marginal wujud kesan daripada paradigma ‘penyatuan dan marginalisasi’ dalam sebuah kelompok manusia yang tinggal dalam satu kawasan. Jurang yang wujud ini disebabkan tingkah laku teritori di dalam sesebuah masyarakat untuk mengasingkan antara yang diterima dengan yang dipinggirkan. Masyarakat marginal boleh didefinisikan sebagai masyarakat yang mendapat peluang sosial dan ekonomi yang berbeza; serta perbezaan jarak dengan penyakit dan kemaslahatan sosialnya berbanding orang lain yang tinggal dalam kelompok yang sama. Setiap kelompok manusia yang tinggal di sesebuah tempat yang sama

pasti mempunyai sebahagian ahli masyarakat yang dipinggirkan atau yang meminggirkan diri dari orang lain.

Marginalisasi sosial adalah satu proses dinamik yang didorong oleh perwakilan kuasa yang tidak saksama merentasi empat dimensi iaitu ekonomi, politik, sosial dan budaya. Berdasarkan sejarah, terdapat beberapa contoh amalan yang menganjurkan kepada kewujudan masyarakat marginal. Salah satunya adalah sistem 'kasta' di kalangan masyarakat India. Amalan 'kasta' mengasingkan kumpulan dengan kumpulan yang lain menghalang sebarang percampuran 'kasta' daripada berlaku. Setiap 'kasta' walaupun saling memerlukan mempunyai tahap sosioekonomi, pekerjaan, amalan dan tradisi yang berbeza yang dijalankan dengan jurang yang luas di antara kasta atasan dengan bawahan. Di sini, marginalisasi berlaku kepada kumpulan manusia yang terletak di dasar piramid hierarki bawahan. Mereka tidak mendapat kemudahan asas, tidak mempunyai suara dalam politik serta tidak berpeluang menaikkan taraf sosial mereka. Mobiliti sosial bagi kasta bawahan hanyalah mendatar dan terus kekal seperti ibubapa mereka kecuali jika berhijrah keluar daripada kelompok masyarakat tersebut.

Selain itu, masalah marginalisasi sosial juga wujud dalam bandar-bandar maju seperti London dan New York. Masalah masyarakat marginal yang wujud di sana dipanggil '*inner-cities*' atau '*slum-area*'. Masyarakat ini terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan dari etnik minoriti yang tinggal di bahagian lama bandar dalam kawasan perumahan sub-standard.

Marginalisasi sosial ini bukan sahaja meliputi aspek perumahan, pekerjaan atau kesihatan bahkan ianya lebih luas dalam konteks masyarakat mencakupi aspek mobiliti, dalam masyarakat komunikasi, perkhidmatan kewangan, penyertaan dalam organisasi politik dan sebagainya. Dalam hal ini, marginalisasi merujuk kepada situasi atau ketidakmampuan seseorang untuk turut serta menikmati beberapa aspek kehidupan moden yang diakui oleh masyarakat sebagai kehidupan yang mencukupi. Ketidakmampuan tersebut menyebabkan mereka marginal daripada memperoleh keperluan asas dan kemudahan sosial yang lain pada kadar yang paling minimum. Oleh itu, kekurangan dan marginalisasi mempunyai kaitan yang rapat dengan kemiskinan.

Seorang pakar sosiologi yang bernama William (1986) dalam artikelnya yang bertajuk "*Exclusion: The Hidden Face Of Poverty*", menyatakan golongan yang dinafikan hak sosial oleh kerajaan akan mewujudkan satu pembagian kelompok yang berasingan dari keseluruhan penduduk. Seterusnya golongan ini akan terus marginal daripada masyarakat daripada terus mendapat peluang-peluang ekonomi yang wujud di kawasan tersebut. Dari sudut politik pula, mengambil bahagian dalam secara aktif dalam organisasi politik tidak dianggap satu gaya hidup yang penting pada abad ke-20, sebaliknya ia merupakan satu unsur bagi menjayakan sistem demokrasi. Oleh itu, sesiapa yang marginal daripada menyertai organisasi politik secara aktif sama ada disebabkan kekurangan wang, masa pengetahuan atau pengalaman akan menyebabkan kekurangan peluang penyertaan dalam proses yang demokratik. Keadaan ini seterusnya akan membawa kepada kekurangan yang lain seperti sukar mendapatkan pekerjaan, gaji yang rendah dan sebagainya. Ini menunjukkan marginalisasi daripada menyertai kegiatan dalam organisasi politik menyebabkan kekurangan dalam pelbagai aspek kehidupan dan peluang sosio-ekonomi.

Marginalisasi sosial bukan sahaja wujud dalam aspek ekonomi, sosial dan politik bahkan juga wujud dalam aspek riadah dan komunikasi. Beberapa bentuk sukan masa kini amat mahal dan tidak sesuai terhadap golongan miskin contohnya golf, tenis dan sebagainya. Golf contohnya memerlukan perbelanjaan yang mahal, umpamanya kos untuk membeli set bermain golf sahaja sudah menelan belanja beribu ringgit yang sama sekali menafikan hak golongan miskin untuk menikmatinya. Bahkan pada era ini, penyebaran maklumat dan komunikasi yang banyak menggunakan medan elektronik dan internet telah mengetepikan golongan yang kurang mampu

untuk memiliki barangan tersebut. Golongan ini akhirnya tidak mendapat maklumat tentang kemudahan yang ada malah tidak dapat berkomunikasi dengan pihak yang dapat memberikan peluang mobiliti kepada mereka. Akhirnya mereka terus marginal dari aliran arus permodenan yang sedang rancak membangun di sekeliling mereka.

Jelaslah kepada kita bahawa konsep kekurangan, kemiskinan dan marginalisasi sosial amat berkait rapat. Ini kerana dalam kemiskinan bukan sahaja kekurangan wujud dari aspek kurang pendapatan, peluang-peluang dalam ekonomi, dan sebagainya bahkan dari aspek sosial. Pemahaman yang mendalam tentang marginalisasi sosial amatlah penting kerana dengannya kita dapat mengetahui dengan lebih jelas tentang kemiskinan terutamanya berhubung dengan kemiskinan bandar.

Perbincangan isu berkaitan masyarakat marginal tanpa mengira lokasi sama ada di bandar atau luar bandar banyak berkait dengan proses pembangunan di sesebuah lokasi. Implikasi proses tersebut pula mempunyai banyak kaitan dengan isu kemiskinan yang terpaksa dihadapi oleh mereka sama ada tinggal di bandar atau luar bandar. Walaupun wang bukanlah segala-galanya tetapi segala-galanya memerlukan wang dalam kehidupan. Dimensi kemiskinan itu pula berbeza-beza mungkin meliputi pendapatan, rumah, pendidikan, kesihatan, kemudahan asas dan sebagainya.

